



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7061]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 7071]

USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1976 [Ruangan 7072]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1976 [Ruangan 7073]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1976 [Ruangan 7073]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1976 [Ruangan 7074]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1976 [Ruangan 7075]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1976 [Ruangan 7076]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1976 [Ruangan 7076]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1976 [Ruangan 7077]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1976 [Ruangan 7078]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1976 [Ruangan 7079]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1976 [Ruangan 7079]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1976 [Ruangan 7080]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1976 [Ruangan 7081]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1976 [Ruangan 7082]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1976 [Ruangan 7082]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1976 [Ruangan 7083]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1976 [Ruangan 7084]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1976 [Ruangan 7085]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24), 1976 [Ruangan 7086]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25), 1976 [Ruangan 7087]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 19), 1976 [Ruangan 7088]**
- Akta Cukai Pendapatan, 1967—**
 - The National Disaster Relief Fund [Ruangan 7089]**
 - Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) [Ruangan 7091]**
- Akta Pinjaman Luar, 1963—**
 - Kenaikan Had Berkanun [Ruangan 7092]**

ATURAN URUSAN MESYUARAT [Ruangan 7129]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 7096]**
- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) [Ruangan 7109]**
- Rang Undang-undang Perusahaan Nenas (Pindaan) [7115]**
- Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 7126]**
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) [Ruangan 7129]**
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 7143]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**
- „ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUN (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA HITAM,, S.P.M.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IBRAHIM, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat** Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- „ **TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (BatangPadang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**

- Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan)
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAJRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M.** (Hilir Padas).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **DATUK ENGPU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.** (Ulu Tenggau).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).**
- „ **DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.** (Jerlun-Langkawi).
- „ **RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).**
- „ **TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).**
- „ **TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN OH KENG SENG (Petaling).**
- „ **TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.** (Kuala Kangsar).
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).**
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).**
- „ **TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).**
- „ **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).**
- „ **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).**
- „ **DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).**
- „ **WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).**
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).**
- „ **TUAN SU LIANG YU (Beruas).**
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).**
- „ **DR TAN CHEE KHOON (Keping).**
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).**
- „ **TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).**
- „ **TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.** (Pasir Mas).
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Cbye Lim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

BAS PELANCUNGAN THAILAND

2. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) memandangkan perkembangan pelancungan yang tidak seimbang dari segi bas pelancungan di antara Malaysia dengan Thailand yang merugikan Malaysia adakah kemungkinan Kerajaan membatalkan aktiviti bas pelancungan Thailand memasuki Malaysia secara bebas tanpa insuran jalanraya dan setengah-setengahnya mengambil penumpang-penumpang Malaysia pula; dan
- (b) tidakkah lebih baik Kerajaan mengadakan peraturan dasar bahawa Pelancungan Thailand itu membawa penumpang setakat di sempadan Malaysia sahaja, manakala bas pelancungan Malaysia sendiri pula membawa pelancung-pelancung itu melancung ke Malaysia dan ke Singapura dan begitulah sebaliknya bagi pelancung Malaysia ke Thailand.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semenjak 1hb Ogos, 1976 yang

lalu kemasukan bas pelancungan Thailand adalah dikawal dan kesemua bas tersebut dikehendaki memohon dan mendapat surat kebenaran terlebih dahulu sebelum dibenarkan masuk. Bas-bas ini dikehendaki mempunyai insuran dan tidak pula dibenarkan membawa penumpang Malaysia pada bila-bila masa ianya berada di negara ini.

Dengan adanya kawalan dan syarat-syarat yang dikenakan ini maka tidaklah benar lagi bahawa bas-bas pelancungan Thailand itu masuk ke Malaysia tanpa insuran dan mengambil penumpang-penumpang Malaysia.

Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang hendak membatalkan bas pelancungan Thailand dari masuk ke Malaysia dengan syarat-syarat yang dikenakan ini kerana cadangan ini, pada pendapat saya, tidak sejajar dengan konsep Asean.

- (b) Syor Ahli Yang Berhormat itu akan diambil pertimbangan manakala soal kerjasama di antara negara-negara Asean berkait dengan pengangkutan jalan dirancang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Farn Seong Than.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Farn Seong Than tidak hadir).

UNIVERSITI PERTANIAN DI BINTULU

4. Tuan Edwin anak Tangkun (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Universiti Pertanian yang dicadangkan di Bintulu akan dibina.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja awal, bagi membuat topographical survey, dan perancangan kampus, untuk Kampus

Cawangan Tetap, Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak dicadang akan dimulakan awal tahun 1977.

PENGEDAR DADAH

5. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Undang-undang menyatakan bilakah perbicaraan terhadap pengedar-pengedar dadah yang ditangkap yang tersiar di akhbar hendak dijalankan bagi melaksanakan hukuman mati terhadap mereka seperti yang telah diluluskan oleh Parlimen di dalam negara kita.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bilangan kes-kes dadah sehingga ini adalah banyak, maka tarikh kes-kes perbicaraan tersebut akan diatur oleh Mahkamah-mahkamah yang berkenaan. Peguam Negara telahpun mengarahkan semua Timbalan Pendakwa Raya untuk berunding dengan pihak mahkamah agar kes-kes besar dadah dapat dibicarakan dengan seberapa segera yang boleh. Satu dari kes-kes tersebut telahpun dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kangar pada akhir bulan Oktober lalu dan yang dituduh telahpun didapati salah dan dikenakan penjara seumur hidup serta 12 kali sebat.

Satu kes lagi telah dibicarakan di Alor Setar dua hari lepas di mana 2 orang yang didakwa dan dituduh telah dihukum penjara seumur hidup dan setiap orang dikenakan hukuman sebat 24 rotan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan samada boleh atau tidak orang-orang yang telah ditahan dalam kes dadah yang masih belum lagi menerima perbicaraan ataupun yang ditangkap dalam tahanan hari ini, adakah pihak Kerajaan memberi laporan-laporan akhbar mengenai orang-orang yang ada dalam tahanan ini?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada dalam pengetahuan Kementerian ini iaitu bersabit dengan maklumat-maklumat yang disampaikan kepada orang-orang yang ditahan.

SEMBAHYANG JUMAAT BAGI PEKERJA ISLAM

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah dibuat arahan kepada pihak firma swasta membenarkan pekerja-pekerja Islam diberi kelepasan menunaikan Fardhu Sembahyang Jumaat. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanabhan): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tidak ada undang-undang yang memaksa majikan-majikan supaya memberi masa kelepasan kepada pekerja-pekerja yang beragama Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Walau bagaimanapun, pegawai dari Kementerian saya ada menggesa majikan-majikan supaya memberi masa kelepasan ini dan banyak di antara majikan-majikan telahpun berbuat demikian. Terdapat juga banyak Perjanjian Bersama di antara Majikan dan Kesatuan Sekerja yang memberi kemudahan-kemudahan ini kepada pekerja-pekerja Islam.

Walaupun bagaimanapun ada setengah-setengah majikan, disebabkan oleh jenis kerja dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, tidak berupaya untuk memberi kemudahan ini, akan tetapi saya harus terangkan di sini bahawa kes-kes yang seperti ini ada sedikit sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Kementerian saya dengan dianggotai oleh wakil-wakil Majikan, Pekerja, dan pegawai-pegawai dari Kementerian saya serta wakil dari Majlis Hal Ehwal Ugama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini sedang mengkaji masalah-masalah dan implikasi perkara ini. Oleh yang demikian, tindakan yang selanjutnya akan bergantung kepada laporan yang akan dikemukakan oleh jawatankuasa ini kelak.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa setengah-setengah majikan tidak memberi kebenaran kepada pekerja-pekerja untuk menunaikan sembahyang Jumaat, jadi apabila pekerja-pekerja menunaikan juga fardhu Jumaat, pihak majikan memotong gajinya apabila terlewat datang kerja.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maklumkan tadi, tidak ada undang-undang atau pemaksaan di atas majikan untuk memberi masa kelepasan untuk pekerja-pekerjanya menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, dan pada masa ini ada setengah majikan yang tidak memberi masa kelepasan untuk pekerja-pekerja yang beragama Islam. Dan jika peraturan di satu-satu tempat begitu haruslah kita mengikuti peraturan-peraturan itu sehingga kita dapat tentukan, apakah peraturan yang kita hendak arahkan kepada majikan-majikan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, perkara berbangkit masalah tidak dapat pergi sembahyang Jumaat di kalangan pekerja-pekerja ini ialah pekerja-pekerja beragama Islam yang menjalankan kerja secara shift, jadi bila perkara ini berbangkit dapatkah Kementerian mengarahkan kepada firma-firma ataupun memberikan kerjasama supaya pekerja-pekerja Islam yang menjalankan kerja shift kalau datang waktu kerja pada hari Jumaat itu dibenarkan keluar dan dengan kebenaran keluar itu tidak memotong gaji kerana keluar dua tiga jam menunaikan fardhu Jumaat ini. Bolehkah tidak diusahakan oleh Kementerian?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu telah mengulangkan soalan yang asas yang telahpun dikemukakan dan jawapannya telah saya beri tadi. Kementerian saya sekarang sedang menggesa majikan-majikan menggunakan discretion mereka memberi masa kelepasan ini dan seperti saya katakan tadi, ada majikan-majikan telah mengikuti peraturan ini. Arahan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu kita tidak dapat memberikan jawapannya sekarang sehingga kita menyelesaikan siasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menitikberatkan tidak ada undang-undang sekarang ini yang majikan membenarkan pekerja-pekerja keluar pada hari Jumaat, jadi apakah gunanya perlantikan Jawatankuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi sedangkan Rang Undang-

undang sedang dibuat oleh Kementerian. Jika Jawatankuasa itu memberi recommendation di bawah peruntukan mana yang recommendation itu hendak dikuatkuasakan?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sebenarnya rumit kepada semua yang berkenaan, majikan, pekerja-pekerja dan Kerajaan yang dilipotkan dalam soalan ini dan ada kena-mengena dengan soal ugama Islam, soal perjalanan perusahaan dengan licin dan lain-lainnya. Kita harus menyiasat dan mengkaji dari semua segi sebelum kita membuat satu keputusan untuk mengarahkan atau membuat undang-undang atau membuat pindaan kepada undang-undang ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Saya ingin mendapat kenyataan samada maksud Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu setelah jawatankuasa ini memberikan recommendationnya maka undang-undang Buruh akan dipinda mengikut recommendation itu.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada recommendation yang akan dibuat oleh Jawatankuasa itu.

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

7. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan jika beliau sedar bahawa keadaan dapur di Hospital Alor Setar amat buruk sekali serta tiada bersih dan keadaan makanan yang diberikan kepada pesakit-pesakit tiada baik mutunya dan apakah langkah yang dicadangkan untuk membetulkan keadaan yang buruk ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, tidak. Sungguhpun dapur di Hospital Besar, Alor Setar itu sebuah bangunan yang lama, keadaannya adalah baik dan ianya sentiasa dijaga bersih oleh kakitangan yang bekerja di dapur. Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital ada membuat lawatan-lawatan mengejut ke dapur itu dan tidak pernah membuat sebarang teguran tentang keadaannya. Mutu makanan yang diberi kepada pesakit-pesakit adalah baik dan mengikut sukatan makanan hospital yang disyurkan. Ahli-ahli Jumaah Pelawat ada juga berbual-bual dengan pesakit-pesakit tentang makanan yang diberi kepada

mereka dan mereka tidak pernah membuat aduan tentang makanan. Kementerian saya telahpun baru-baru ini mengambil tindakan untuk menambahkan lagi sukatan makanan protein (daging, ayam dan ikan) sebanyak sekali ganda daripada jumlah bekalan yang dahulu. Saya sendiri kerap membuat lawatan-lawatan mengejut ke dapur-dapur hospital dalam negara ini dan ini akan terus saya lakukan.

PENCEMARAN PELEPASAN KELAPA SAWIT

8. **Tan Oo Gin Sun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada satu rancangan atau program tertentu telah disediakan untuk mengawal pencemaran alam sekitar yang sedang merebak disebabkan oleh kekotoran daripada kilang kelapa sawit.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat adalah benar di dalam menyatakan bahawa pelepasan-pelepasan kelapa sawit adalah merupakan satu ancaman yang serius kepada alam sekitar. Dari pandangan pencemaran air ini adalah serious sekali dan telahpun mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Saya sukacita untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah merangka satu program tiga tahun untuk kawalan pencemaran yang disebabkan oleh pelepasan-pelepasan kelapa sawit.

Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pembuangan pelepasan-pelepasan kelapa sawit ke dalam saluran-saluran air akan dikenakan keatas kilang-kilang mengi ut sepertimana yang dibekalkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekitar Tahun 1974. Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan di dalam tiga peringkat dan akan menetapkan standard-standard pelepasan yang dibenarkan untuk pembuangan oleh kilang-kilang kelapa sawit dari tahun ke setahun.

Peringkat pertama akan dimulakan dengan peraturan-peraturan pada tahun 1977 sehingga menjelang tahun 1978 dalam mana standard-standard yang tertentu hendaklah dipatuhi melalui langkah-langkah pemulihan buangan dan standard ini akan dibaiki secara sistematik

di dalam tahun 1979 supaya di dalam tahun 1980 buangan-buangan dari kilang-kilang kelapa sawit tidak akan merupakan ancaman kepada sungai-sungai kita.

Standard-standard kelapa sawit ini telah dirangka secara teliti dengan mengkaji teknologi-teknologi yang ada serta juga kedudukan perusahaan itu supaya standard-standard adalah praktikal dan ekonomi untuk dilaksanakan.

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

9. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengadakan Rancangan Perumahan harga murah yang akan dijual kepada rakyat yang berpendapatan rendah khususnya Kaum Nelayan di Trengganu. Kalau ada bilakah rancangan ini akan dilaksanakan.

Setiamaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan telah melancarkan rancangan perumahan awam kos-rendah bagi rakyat dalam golongan berpendapatan rendah termasuklah kaum nelayan dalam masa yang lampau dan akan terus melancarkannya lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebagaimana yang pernah saya maklumkan dalam Dewan ini pada 11-11-1976 yang lalu ketika menjawab satu soalan yang seakan-akan sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Sehingga sekarang Kementerian saya telah pun meluluska 2 projek perumahan awam kos rendah untuk kaum nelayan, iaitu sebanyak 220 unit rumah kayu di Pulau Redang dan sebanyak 90 unit di Kuala Besut di Negeri Trengganu. Projek di Pulau Redang itu sedang dalam pelaksanaan sekarang sementara yang di Kuala Besut pula akan dimulakan sedikit hari lagi.

Selain daripada 2 projek untuk nelayan di atas, 2 projek rumah kos rendah telah juga diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di Negeri Trengganu,

(i) *Rancangan Kuala Brang II*—iaitu pembinaan 13 unit rumah teres selapis dengan kos \$75,400 dan

(ii) *Rancangan Dungun II*—iaitu pembinaan 46 unit rumah teres selapis dengan kos \$266,800.

LESEN KERETA SEWA

10. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa banyakkah permit atau lesen kereta sewa istimewa (yang tidak diiklankan pengkalannya) yang dikeluarkan dalam sepanjang tahun 1975 dan enam bulan pertama tahun 1976. Dan nyatakan sebab-sebab Kerajaan berbuat demikian.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada lesen kereta sewa yang istimewa telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Walau bagaimanapun, di bawah Undang-undang Lalulintas Jalan, 1958 Yang Berhormat Menteri ada kuasa untuk melayani semua rayuan-rayuan daripada pemohon teksi-kereta sewa yang mana permohonan mereka telah ditolak oleh Lembaga Pelesenan. Keskes seumpama ini akan ditimbangkan dengan teliti oleh Yang Berhormat Menteri dan mana-mana yang didapati layak mengikut merit masing-masing bolehlah diberi lesen sebagai tambahan kepada bilangan yang telah diistiharkan.

(*Jawapan bagi Soalan No. 1 dan No. 3 adalah diberi di bawah ini*).

PASUKAN KESELAMATAN BERKELAKUAN KASAR

1. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar sebilangan anggota-anggota tentera dan polis berkelakuan kasar terhadap rakyat jelata dalam masa menjalankan tugas mereka yang telah menimbulkan perasaan "ill-will", jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Perdana Menteri: Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum untuk dijawab secara tepat. Sebagaimana yang diketahui, Pasukan Keselamatan yang terdiri daripada angkatan tentera dan polis, adalah satu pasukan yang besar dan mengandungi anggota-anggota yang ramai bilangannya. Dalam pasukan yang besar seperti ini mungkin ada sebilangan kecil anggota-anggota yang berkelakuan kasar terhadap orang ramai dalam masa menjalankan tugas-tugas mereka. Sebaliknya pula, mungkin ada

sebilangan kecil orang ramai yang bersikap kasar terhadap anggota-anggota Pasukan Keselamatan.

Walaupun bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu ada menerima aduan-aduan itu bolehlah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya. Di sini suka saya menyatakan bahawa semua aduan terhadap anggota Pasukan Keselamatan yang berkelakuan kasar adalah disiasat. Jika aduan itu didapati benar, maka tindakan sewajarnya mengikut peraturan disiplin Pasukan Keselamatan adalah diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Perasaan "ill-will" adalah tidak timbul di antara orang ramai dengan anggota-anggota Pasukan Keselamatan. Ini adalah jelas terbukti dengan adanya kerjasama dari orang ramai membantu Pasukan Keselamatan dalam hal-hal keselamatan. Mereka sentiasa memberi maklumat-maklumat berguna kepada Pasukan Keselamatan demi menjayakan tindakan-tindakan Pasukan Keselamatan. Penyertaan orang ramai dalam Sekim-sekim Rukun Tetangga dan RELA juga menggambarkan kepada kita bahawa orang ramai telah menunjukkan minat yang baik atau "goodwill" dalam menjaga keselamatan negara bersama-sama dengan Pasukan Keselamatan. Gerakan-gerakan sivik yang dijalankan oleh anggota-anggota Pasukan Keselamatan di samping menjalankan kegiatan membantu rakyat semasa kecemasan atau bencana alam telah dapat merapatkan lagi perhubungan baik dan muhibbah di antara Pasukan Keselamatan dan rakyat.

Walaupun bagaimanapun, langkah-langkah penting terus diambil bagi meninggikan lagi mutu disiplin anggota-anggota Pasukan Keselamatan. Mereka sentiasa diarah dan diingati untuk mengelakkan daripada berkelakuan yang boleh menyinggong perasaan orang ramai dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Pihak Pasukan Keselamatan sendiri faham bahawa sokongan dan kerjasama dari orang ramai adalah faktor penting untuk mencapai kejayaan tugas-tugas Pasukan Keselamatan dalam menjaga dan memelihara keselamatan negara.

Hasil dari disiplin yang baik serta juga hasil dari kegiatan-kegiatan sivik atau jiwa murni dan bantuan-bantuan kecemasan

seperti yang disebutkan tadi, pandangan rakyat jelata kepada Pasukan Keselamatan adalah baik.

PENAGIH DADAH BAGI KAKITANGAN HOSPITAL

3. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau telah mengarahkan supaya diadakan siasatan terhadap semua hospital berikutan dengan dakwaan yang dibuat oleh beliau sendiri di Seremban pada 6hb Ogos, 1976 bahawa beberapa orang daripada kakitangan hospital adalah penagih-penagih dadah dan mereka ini juga terlibat dalam pengedaran dadah, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan jika siasatan tidak diadakan, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kenyataan yang dibuat di Seremban pada 6hb Ogos, 1976 adalah dibuat setelah saya menerima maklumat secara am sahaja. Pada keseluruhannya kakitangan saya adalah baik tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang disyaki terlibat dalam soal dadah. Kenyataan itu dibuat sebagai suatu amaran untuk mencegah dan menghalang lain-lain kakitangan yang boleh tergoda ke dalam kegiatan-kegiatan ini. Tidak ada penyiasatan secara rasmi yang telah diusahakan atas kakitangan-kakitangan yang disyaki itu, tetapi mereka adalah sentiasa diawasi dengan pertolongan pihak polis.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT-SYARIKAT MEMINJAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat

oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) (No. 3)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berbangkit; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1976

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 100 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengurangkan duti impot dari 35% atau \$750 satu, yang mana lebih tinggi, kepada 20% ke atas alat-alat jentera pertanian yang jatuh di bawah Kepala-kepala Tarif 84.24.100, 84.24.900 dan 87.01.110. Oleh kerana pemasangan alat-alat jentera pertanian kecil merupakan proses yang agak mudah, maka kadarduti yang dikurangkan itu adalah mencukupi untuk melindungi pemasangan-pemasangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 100 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9) 1976 yang telah dibentangkan di Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 101 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1976 yang baru saja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 101 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 102 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah untuk mengenakan duti impot sebanyak 20% ad valorem ke atas "phosphoric acid" di bawah Kepala Tarif 28.10.1000. Tujuannya ialah untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 102 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 103 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1976 yang baru diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dilanjutkan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 103 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil k etapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kas am 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 104 tahun 1976 disahkan.

- (a) menaikkan duti impot ke atas daging penimbang yang boleh menimbang tidak lebih dari 200 kati di bawah Kepala Tarif 84.20.120 dari 50% a au \$30 satu yang mana lebih tinggi, kepada 50% atau \$50 satu yang mana lebih tinggi; dan
- (b) menaikkan duti impot ke atas daging penimbang yang boleh menimbang di an ara 200 hingga 300 kati di bawah Kepala Tarif 84.20.130 dari 15% kepada 35%.

Kenaikan duti-duti ini adalah sebagai langkah perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Dipu uskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 104 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 105 tahun 1976 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1976 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ianya dikenakan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Per ua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 105 ahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Per ua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 106 tahun 1976 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk mengurangkan kadar-kadar duti impot ke atas ammonium chloride di bawah Kepala Tarif 28.30.100 dan compound fertilisers di bawah Kepala Tarif 31.05.110 dari \$50 setan dan \$60 setan masing-masing ke \$45 setan. Ianya juga bertujuan untuk menaikkan kadar duti impot ke atas nitrogenous fertilisers di bawah Kepala Tarif 31.02.990 dari \$42.50 setan ke \$45 setan. Pindaan-pindaan ini telah dibuat untuk menyamakan kadar-kadar duti ke atas baja pada kadar yang mencukupi untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 106 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 107 tahun 1976 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah untuk melanjutkan pengenaan duti-duti impot ke atas

baja ke Pulau Pinang sebagai langkah perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 107 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 108 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak \$300 setan ke atas "caustic soda" (sodium hydroxide) di bawah Kepala Tarif 28.17.100. Ianya adalah untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah

Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 108 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 109 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dilanjutkan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 109 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967,

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 110 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengadakan Kepala-kepala Tarif Khas iaitu 84.06.292 dan 84.06.392 ke atas "pistons and cylinder liners" yang mempunyai ukuran luar di antara 50mm hingga 155mm dan mengekalkan duti impot ke atasnya sebanyak 25%. Duti impot bagi "pistons and cylinder liners" selain daripada ukuran ini juga dikekalkan pada kadar 25%. Ini merupakan langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 110 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 111 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1976 yang baru diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dilanjutkan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 111 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 112 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak \$1 sepaun ke atas "ham" dan "bacon" di bawah Kepala-kepala Tarif 02.06.110 dan 02.06.120. Duti tersebut merupakan langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1976

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 112 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1976 yang telah dibentangkan di Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 113 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1976 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 113 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah

Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 114 tahun 1976 disahkan.

Perin h ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak 25% ke atas "planer blades" yang berada di bawah Kepala Tarif 82.06.110. Duti ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 114 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 115 tahun 1976 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk melanjutkan duti impot ke atas biji koko, cocoa butter dan cocoa powder, yang jatuh di bawah Kepala-kepala Tarif 18.01.000, 18.04.000 dan 18.05.000, ke Pulau Pinang. Sebelum ini, duti impot ke atas biji koko, cocoa butter dan cocoa powder hanya dikenakan di Kawasan Utama Kastam tetapi tidak di Pulau Pinang. Dengan itu apabila biji koko yang ditanam di Pulau Pinang dibawa masuk ke Tanah Besar Malaysia

telah dikenakan duti impot. Dengan melanjutkan duti impot tersebut ke Pulau Pinang, maka dengan sendirinya biji koko, cocoa butter dan cocoa powder yang ditanam atau dikeluarkan di Pulau Pinang boleh dibawa ke Semenanjung Malaysia tanpa bayaran duti impot, tetapi biji koko, cocoa butter dan cocoa powder dari luar negeri dikenakan duti impot apabila dibawa ke Pulau Pinang atau Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 115 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 17), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 116 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (Pindaan) (No. 17), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 116 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1976 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk mengadakan Kepala Tarif baharu berasingan dari motosikal iaitu 87.09.200 atas "Moped" atau Auto-cycles (equipped with both a built-in engine and a pedal system) dan mengurangkan kadar duti impot daripada 45% kepada 20%. Ini adalah langkah untuk mengenakan kadar lebih rendah ke atas "auto-cycles" kerana ianya adalah berlainan dengan motosikal dari segi bentuk dan kegunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 118 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengurangkan duti impot ke atas "Joss paper", yang jatuh di bawah Kepala Tarif 48.01.512, dari 25% atau 20 sen sepaun, yang mana lebih tinggi, kepada 25% atau 10 sen sepaun, yang mana lebih tinggi. Pindaan ini adalah dibuat kerana kertas-kertas buatan tangan yang diimpot yang bukan merupakan keluaran siap telah diperjeniskan sebagai joss paper di bawah Kepala Tarif ini. Oleh kerana kertas untuk membuat joss paper dikeluarkan di negeri ini, maka pengurangan duti impot ini adalah mencukupi untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan bagi kertas buatan tangan yang tidak dikeluarkan di negeri ini diimpot dengan kadar duti yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 118 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 18) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) No. 18) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 119 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 18), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 119 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 120 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan menaikkan kadar duti impot ke atas kain-kain dan pakaian seperti berikut:

- (i) bagi kain-kain dan pakaian yang berduti 25% atau 10 sen seela persegi, yang mana lebih tinggi, dinaikkan kepada 25% atau 15 sen seela persegi yang mana lebih tinggi.
- (ii) bagi kain-kain dan pakaian yang berduti 25% atau 20 sen seela persegi, yang mana lebih tinggi dinaikkan kepada 25% atau 35 sen seela persegi, yang mana lebih tinggi.
- (iii) bagi kain-kain dan pakaian dan jenis "suting" yang berduti 25% atau 20 sen seela, yang mana lebih tinggi, dinaikkan kepada 35% atau 70 sen seela persegi yang mana lebih tinggi.

Dalam menimbangkan kadar-kadar duti impot baru ini semua masalaah yang berkenaan telah dikaji dengan mendalam dengan mengambil kira perlindungan yang mencukupi ke atas perusahaan kain dan pakaian tempatan dan juga kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Unda g-undang No. ST 120 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 19) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah

Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 19) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 121 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1976 yang baru diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 147 Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 19), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST 121 tahun 1976 disahkan.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

The National Disaster Relief Fund

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan 1967, bahawa Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran yang berikut:

"74. The National Disaster Relief Fund" dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1973.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara yang mula dilancarkan pada tahun 1966 dan ditubuhkan pada tahun 1971. Tabung ini adalah bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa bencana negara terutama sekali banjir yang kerap melanda negara ini.

Tabung ini mengumpul derma-derma dari orang ramai dan ini sepatutnya merupakan punca utama pendapatannya. Walau bagaimanapun sehingga 31hb Disember, 1974, derma-derma orang ramai adalah merupakan lebih kurang 20% dari jumlah pendapatan tabung ini. Sebahagian besar dari pendapatan tabung ini terpaksa didapatkan dari Kerajaan Pusat memandangkan besarnya jumlah perbelanjaan yang perlu dibuat bagi membantu mangsa bencana alam. Ini menunjukkan bahawa tabung tersebut tidak boleh bergantung semata-mata kepada derma-derma orang ramai untuk memenuhi matlamatnya dan oleh itu, langkah-langkah lain patutlah diambil bagi mencari jalan menambahkan sumber kewangan tabung ini. Akibatnya tabung ini telah melabur lebih kurang sejumlah \$342,000 di dalam saham-saham di syarikat-syarikat swasta. Pelaburan ini telah menghasilkan dividen yang tertakluk kepada cukai pendapatan.

Adalah diharapkan bahawa dengan pengecualian yang dicadangkan akan memberikan galakan tambahan kepada tabung ini untuk mencari cara-cara lain untuk bergantung sendiri dari segi kewangan dan ini juga membolehkan lebih banyak wang disalurkan bagi menjalankan tugas tabung ini untuk membantu mangsa-mangsa bencana negara.

Memandangkan tujuan Tabung Pemulihan Bencana Negara ditubuhkan, adalah dicadangkan supaya tabung ini dikecualikan dari cukai pendapatan dan oleh itu satu butiran baru ditambahkan kepada Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1967 seperti di dalam ketetapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini menetapkan menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan 1967, bahawa

Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran yang berikut:

"74. The National Disaster Relief Fund" dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1973.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2), Akta Cukai Pendapatan 1967, bahawa Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran yang berikut:

"Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)" dan bahawa pindaan ini hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1968 dan tahun-tahun taksiran berikutnya."

Tujuan ketetapan ini adalah untuk memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). BERNAMA telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen No. 19 tahun 1967.

BERNAMA ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyebarkan berita-berita dan juga menggalakkan serta meninggikan kerjasama dan persefahaman di peringkat negara dan antarabangsa. BERNAMA mematuhi serta menghormati prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kebebasan bersuara. Sebagai kesimpulan, penubuhan BERNAMA adalah hasil dari kesedaran Kerajaan kepada keperluan bagi meninggikan imej Malaysia yang sebenarnya samada di dalam atau di luar negeri.

BERNAMA adalah merupakan sebuah badan yang tidak membuat keuntungan dan tidak ada sebahagianpun daripada pendapatannya boleh dibayar atau dipindahkan secara langsung atau tidak, di dalam bentuk dividen atau bonus kepada orang lain.

Memandangkan kepada tujuan BERNAMA ditubuhkan, serta merupakan badan yang tidak membuat keuntungan, maka adalah dicadangkan supaya Pertubuhan Berita

Nasional Malaysia (BERNAMA) dikecualikan dari cukai pendapatan dan oleh itu satu butiran baru ditambahkan kepada Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1967 seperti di dalam ketetapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini menetapkan menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2), Akta Cukai Pendapatan 1967, bahawa Bahagian II, Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran yang berikut:

"Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)" dan bahawa pindaan ini hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1968 dan tahun-tahun taksiran berikutnya."

AKTA PINJAMAN LUAR, 1963

Kenaikan Had Berkanun

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan had berkanun yang ada sekarang di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963 berjumlah \$3,000 juta dinaikkan kepada \$5,000 juta.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah wang yang diperlukan untuk pembangunan sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.K.) dianggarkan kira-kira \$18,600 juta. Dari jumlah ini, kira-kira \$16,900 juta mestilah diperolehi melalui pinjaman-pinjaman. Sejumlah besar daripada pinjaman ini, dianggarkan lebih kurang \$11,000 juta akan diperolehi daripada sumber-sumber dalam negeri dan bakinya berjumlah \$2,500 juta akan diperolehi daripada Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia, \$1,100 juta daripada sumber-sumber dua hala seperti Kumpulanwang Saudi dan Kuwait dan \$2,300 juta lagi akan dipinjam daripada pasaran wang antarabangsa.

Akta Pinjaman Luar, 1963 ini adalah digunakan untuk mendapatkan pinjaman dan kredit daripada Bank Ekspot-Impot, daripada sumber-sumber dua hala dan juga pinjaman-pinjaman daripada pasaran antarabangsa. Untuk R.M.K., pinjaman daripada sumber-sumber ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek yang tidak dibiayai oleh pinjaman-pinjaman daripada Bank Dunia atau Bank Pembangunan Asia ataupun projek-projek yang perlu dilaksanakan dengan segera.

Jumlah pinjaman yang belum dibayar semenjak kenaikan terakhir had berkanun ini, ialah \$2,929 juta dan baki yang masih boleh dipinjam di bawah Akta ini hanyalah \$71 juta. Untuk R.M.K., seperti yang dinyatakan tadi, sejumlah \$2,300 juta akan dipinjam daripada pasaran wang antarabangsa dan lebih kurang \$1,100 juta daripada sumber-sumber dua hala. Oleh itu, adalah perlu had berkanun tersebut dinaikkan daripada \$3,000 juta kepada \$5,000 juta supaya Kerajaan boleh meminjamkan dengan secukupnya daripada sumber-sumber tersebut. Di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa mengulung perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 di dalam Dewan ini pada 15-11-76 beliau telah tegaskan yang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang tentang paras hutang negara ini. Pinjaman-pinjaman yang kita buat hanyalah untuk projek-projek pembangunan yang "viable" dan yang memerlukan pertukaran wang asing yang besar dan juga dapat memberi faedah kepada rakyat. Beliau telah juga nyatakan yang Bank Dunia dan Kumpulanwang Antarabangsa berpendapat yang negara kita masih boleh meminjam lebih banyak lagi untuk projek pembangunan kita dan perbelanjaan kita lagi pembayaran faedah-faedah dan hutang negara adalah di antara yang paling rendah sekali di dunia.

Untuk membolehkan perbelanjaan pembangunan di bawah R.M.K. dirancang dengan teliti, adalah amat perlu dinaikkan had berkanun yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.43 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pinjaman yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan perlu dan sungguhpun pinjaman luar negeri perlu untuk pembangunan negara kita, tetapi saya berasa sangsi dan curiga sedikit di atas pinjaman-pinjaman yang negara kita perbuat daripada pinjaman luar negeri oleh kerana bahayanya ada.

Sungguhpun kita telah merdeka pada tahun 1957 daripada penjajahan, janganlah kita termasuk di dalam suatu lagi penjajahan iaitu penjajahan kewangan oleh kerana sekiranya kita terlampau banyak pinjaman wang daripada luar negeri, ini mungkin mewujudkan suatu keadaan yang kita akan masuk di dalam suatu perangkap penjajahan imperialisma kewangan. Sungguhpun saya bersetuju bahawa paras hutang negara kita belum lagi sampai ke paras bahaya, tetapi namun demikian, kita haruslah berjaga-jaga, berwaspada dan berhati-hati di dalam membuat pinjaman ataupun meningkatkan paras pinjaman yang membolehkan negara kita ini meminjam.

Saya bukanlah tidak menyokong atau tidak bersetuju dengan usul ini, saya hanya suka berdiri untuk memberi pandangan sahaja di atas bahaya pinjaman dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan sentiasa berwaspada, berjaga-jaga supaya negara kita jangan pula termasuk di dalam cengkaman imperialisma kewangan dan seterusnya dijajah pula selepas kita merdeka dengan penjajahan dengan cara dan bentuk yang lain iaitu dari segi penjajahan bentuk kewangan. Kita tidak mahu lagi wujud di dalam belenggu penjajahan yang baru.

3.46 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi satu dua teguran di atas had berkanun yang akan ditambah daripada \$3,000 juta pinjaman kepada nilai \$5,000 juta.

Saya minta kepada Kerajaan kita, terutama sekali kepada Kementerian Kewangan supaya berusaha dan menitikberatkan lagi pinjaman kalau dapat daripada dalam

negeri ini sendiri. Kita juga faham bahawa di dalam negara kita ada badan-badan ataupun institusi-institusi kewangan yang menjalankan usaha-usaha untuk mencari (generate) punca-punca ataupun unsur kewangan sendiri. Misalnya, pada hari ini Bank Simpanan Nasional ada menjalankan satu usaha dan ini patutlah diberi bantuan oleh pihak Kerajaan supaya rancangan seperti ini akan menyumbangkan hasil yang banyak yang boleh digunakan sebagai pinjaman oleh pihak Kerajaan sendiri.

Saya juga bukannya hendak membantah kenaikan had pinjaman dari \$3,000 juta kepada \$5,000 juta ini, tetapi sebagai satu perkara yang patut kita awasi, saya minta kepada pihak Kerajaan kita, janganlah apabila sudah diluluskan oleh Dewan ini had yang sebegitu tinggi, dengan sewenang-wenang sahaja kita cuba suka hendak meminjam dari luar negeri dan tidak memikirkan bahawa di dalam negara kita sendiri kalau kita berikhtiar bersungguh-sungguh boleh mendapatkan bantuan kewangan dan pinjaman daripada modal ataupun simpanan yang ada di dalam negeri ini.

3.48 *ptg.*

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan juga dari Setapak di atas pandangan-pandangan yang sangat berguna itu. Saya suka memberi jaminan di sini, pertama kekhuatiran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang iaitu Kerajaan pada umumnya dan Kementerian Kewangan khususnya hendaklah sentiasa berwaspada. Kita memang berwaspada dan berhati-hati supaya kita tidak terjatuh dalam perangkap penjajahan kewangan pula apabila kita telah bebas daripada penjajahan politik dahulu. Saya ingin berjanji Kementerian Kewangan akan terus-menerus berwaspada supaya pinjaman daripada luar negeri itu hanya akan diadakan dengan syarat kedaulatan negara kita tidak terjejas.

Atas syor yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, Kementerian Kewangan memanglah sentiasa mencari ikhtiar juga supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan sebolehnya didapati daripada sumber-sumber dalam

negeri kita, khasnya dari punca-punca non-inflationary. Dan saya suka sekali lagi mengucapkan banyak terima kasih atas peringatan-peringatan yang membina itu supaya kita bersama-sama maju ke hadapan dengan lebih cemerlang lagi untuk faedah rakyat kita.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan tetap had berkanun yang ada sekarang di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963 yang berjumlah \$3,000 juta dinaikkan kepada \$5,000 juta.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 *ptg.*

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun diberitahu iaitu semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan untuk tahun 1977, beberapa cadangan untuk memberi pelepasan cukai pendapatan dan juga untuk mengenakan cukai pendapatan atas syarikat-syarikat kerjasama (koperasi) telah dibuat yang akan dikuatkuasakan mulai 1977. Untuk melaksanakan cadangan-cadangan itu maka pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 adalah perlu. Tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini ialah untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk pertamanya mengenakan syarikat-syarikat kerjasama cukai pendapatan dengan skel kadar-kadar cukai seperti diterangkan dalam Fasal 3 (d). Kadar-kadar cukai adalah dinyatakan dalam Fasal 10 (b).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui sebelum tahun taksiran 1967 sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang telah dikecualikan sama sekali dari cukai pendapatan. Bagaimanapun sejak tahun taksiran 1968 sebuah koperasi dikecualikan dari cukai

hanya jika kegiatan-kegiatan utama koperasi itu terhad kepada:

- (a) perniagaan sesama ahli-ahli dan lain-lain koperasi yang berdaftar;
- (b) pemasaran pengeluaran dan barang-barang keluaran ahli-ahli; dan
- (c) penjualan kepada ahli-ahli barang-barang yang diberi untuk maksud penjualan itu.

Di sini dapatilah bahawa hanya koperasi yang memenuhi di antara ketiga-tiga syarat itu dikecualikan dari cukai pendapatan. Akan tetapi telah didapati peruntukan-peruntukan dan sekim percukaian sekarang ke atas koperasi itu menyulitkan pentadbiran cukai. Oleh kerana kegiatan koperasi itu berubah corak dan keutamaannya, telah timbul kemungkinan di mana sesebuah koperasi yang dikecualikan dari cukai dalam satu tahun akan dikenakan cukai pada tahun yang lain. Keadaan ini memanglah menyulitkan pentadbiran. Adakala juga kelemahan di dalam peruntukan undang-undang terhadap cukai pendapatan kepada koperasi itu mungkin dapat disalahgunakan. Oleh itu, seksyen pengecualian cukai yang ada sekarang mengenai pendapatan koperasi dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah dicadangkan dimansuhkan. Semua koperasi akan dikenakan cukai tertakluk kepada beberapa syarat pengecualian yang tertentu. Untuk menggalakkan pergerakan koperasi selaras dengan tujuan Kerajaan, cukai yang dicadangkan dikenakan ke atas koperasi adalah pada kadar-kadar seperti disebutkan dalam Fasal 10 (b).

Untuk membolehkan koperasi-koperasi yang baru ditubuh berjaya dalam pergerakannya peruntukan dalam Rang Undang-undang adalah dibuat untuk mengecualikan pendapatan koperasi-koperasi itu selama lima tahun daripada tarikh pendaftaran; sebagai langkah tambahan kepada koperasi-koperasi yang kecil, mereka yang mempunyai kumpulan wang ahli sebanyak \$500,000 atau kurang selepas lima tahun itu akan juga diberi pengecualian daripada cukai pendapatan. Peruntukan adalah juga dibuat di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini untuk membolehkan koperasi-koperasi menolok simpanan mereka yang berjumlah tidak lebih daripada 25% keuntungan perusahaannya kepada Kumpulan Wang Simpanan Berkanun yang diwajibkan di bawah Ordinan Koperasi.

Peruntukan Fasal 11 (b) adalah dibuat untuk membolehkan dividen-dividen yang dikeluarkan oleh koperasi tidak dikenakan cukai pendapatan apabila diterima oleh ahli-ahli sesebuah koperasi itu. Selanjutnya peruntukan adalah juga disediakan supaya mengecualikan dividen-dividen itu daripada cukai pendapatan sebelumnya ia dibahagi-bahagikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedar bahawa beberapa permohonan telah dibuat kepada Kerajaan untuk menambahkan pelepasan perseorangan dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun mencarangkan dalam Ucapan Belanjawannya bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan supaya pemberian-pemberian tertentu dibuat untuk meringankan bebanan ke atas pembayar-pembayar cukai terutamanya dari golongan yang berpendapatan rendah. Sebagaimana yang telah diumumkan, tiap-tiap pemastautin tidak termasuk isteri yang bekerja akan diberikan "rebate" sebanyak \$60, dan isteri yang tidak bekerja atau isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan akan diberi "rebate" sebanyak \$60.

Saya tidak bercadang hendak menerangkan lebih dalam lagi hujjah-hujjah dan falsafah terhadap keputusan memberi "rebate" ini kerana ianya telahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya ingin walau bagaimanapun menyebutkan di sini bahawa untuk melaksanakan pemberian "rebate" itu peruntukan telahpun dimasukkan ke dalam pindaan yang nyata dalam Fasal 4 dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Fasal 5 kepada Rang Undang-undang ini memberi peruntukan untuk membahagi-bahagikan jumlah ganjaran yang diterima oleh seseorang pekerja yang dikenakan cukai itu kepada tempoh masa 10 tahun atau selama tempoh ambil kerjanya jika tempoh itu lebih pendek dari 10 tahun.

Fasal 11 (c) dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini membuat peruntukan untuk mengecualikan pencen-pencen yang diperolehi dari Malaysia dan dibayar kepada seseorang yang bermastautin di Malaysia.

Akhirnya, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk membuat peruntukan bagi mengecualikan bunga yang dibayar kepada seseorang yang bukan pemastautin atas sesuatu pinjaman jangka panjang daripada dikenakan cukai. Sesuatu pinjaman adalah ditafsirkan sebagai mana-mana wang yang dipinjamkan atau didepositkan di Malaysia pada atau selepas 1hb Januari, 1977 selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun oleh seseorang yang bukan pemastautin iaitu wang yang diremitkan daripada luar Malaysia.

Kesemua pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 ini akan berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1977 melainkan pindaan-pindaan seperti yang nyata dalam Fasal 1 (2) yang mana adalah dianggap telah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.59 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967. Saya yakin dengan adanya Akta ini akan memberi kebaikan kepada Kerajaan untuk mendapatkan cukai. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita kadang-kadang pihak swasta ataupun perniagaan dan kadang-kadang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan sendiri dengan adanya satu-satu Akta itu memberi kesusahan kepada orang yang berkenaan, misalnya, kepada koperasi-koperasi.

Apa yang saya maksudkan di sini, saya dukacita surat salinan yang berkenaan saya terlupa membawanya, saya dapat faham selepas sahaja pada 29hb Oktober, 1976 iaitu hari Jumaat selepas dibentangkan Belanjawan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita berkenaan dengan cukai dan sebagainya, maka satu syarikat atau koperasi kilang telah menerima surat supaya membayar cukai. Tetapi oleh sebab orang ini juga tahu; maklumlah seperti kata pepatah: berapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul, sebab dia kena bayar cukai sendiri, dia ikuti ucapan Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Jadi, bila pegawai syarikat minta cukai dia hurai-kkan balik, mengikut ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada sekian-sekian haribulan dalam Parlimen ialah apa yang dimaksudkan ialah sepatutnya syarikat saya ini walaupun kena bayar cukai tetapi ada syarat yang tertentu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak payah kena cukai. Dengan sebab itu, saya berharap satu-satu undang-undang itu marilah kita sama-sama mengkaji dengan halusnyanya supaya jangan melibatkan sesuatu syarikat lain itu dalam kesusahan. Saya yakin syarikat ini sanggup membayar kalau keadaan itu terpaksa membayar tetapi macam mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada perkara-perkara yang dikecualikan.

Di samping itu juga, saya berharap, perkataan kecuali itu patutlah sungguh-sungguh diberi perhatian yang berat sekali kepada koperasi-koperasi yang kita tahu mereka itu mendapat untung terlampau sedikit, mereka cuma ambil 6 sahaja. Saya harap sangatlah pengecualian ataupun keistimewaan diberikan kepada mereka. Di samping itu Kerajaan mendapatkan cukai yang banyak, sebab dengan ini kita membelanjakan negara, tetapi banyak orang-orang melarikan cukai. Orang yang tidak boleh melarikan cukai ialah orang yang berpendapatan tetap kerana mereka diketahui oleh Kerajaan. Orang yang tidak dapat pendapatan tetap

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ini soal cukai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal cukai bukan semua perkara boleh dicakapkan. Berkenaan dengan syarikat kerjasama ini sahaja yang Akta ini dipinda untuk dikenakan kepada syarikat kerjasama, cukai pendapatan dan syarat-syarat lain-lain yang ada terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap sangat apa yang diterima oleh satu syarikat Bentong di Perlis tidak akan diterima lagi oleh syarikat-syarikat lain pada hal syarikat berkenaan faham betul-betul apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

4.02 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Akta meminda Cukai Pendapatan, 1967 ini saya suka menyebut sedikit mengenai cukai kepada koperatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ber-setuju dengan pihak Kerajaan yang telah membuat peraturan bagi mengenakan cukai kepada syarikat-syarikat koperatif ini tetapi satu perkara iaitu mengenai syarikat koperatif yang ada di dalam negara kita ini. Apa yang saya tahu banyak juga syarikat-syarikat koperatif yang tidak dapat menutup kira-kiranya pada tiap-tiap tahun. Mungkin dengan adanya Akta ini pihak Kerajaan sendiri dapat mengambil perhatian berat kepada satu-satu syarikat koperatif supaya dapat membantu syarikat-syarikat koperatif ini berjalan dengan betul. Mungkin pihak Kerajaan sendiri sedar perkara ini bahawa banyak syarikat-syarikat koperatif yang ada dalam negara kita ini yang kira-kiranya tidak dapat ditunjukkan kepada ahli-ahlinya. Mengikut Akta ini cukai ini hendaklah dikenakan 1/4 daripada keuntungan bersih yang telah diodit. Ertinya, pada faham saya bahawa kalau syarikat itu tidak dapat menunjukkan oditnya ataupun menyelesaikan oditnya pada tiap-tiap akhir tahun mungkin pihak Perbendaharaan yang berkenaan menghadapi kesukaran bagi menentukan cukai kepada satu-satu syarikat koperatif ini. Ini juga saya fikir walaupun satu-satu syarikat koperatif itu berasa keciwa dengan Akta ini sebab dia terpaksa membayar cukai kepada Kerajaan, tetapi dari segi satu pihak yang lain iaitu ahli-ahli koperatif ini mungkin dapat menolong apabila pihak Perbendaharaan dapat memaksakan syarikat-syarikat koperatif ini menyelesaikan kira-kiranya pada tiap-tiap tahun dan tidaklah terjadi sebagaimana sekarang ini. Kalau pihak Perbendaharaan tidak dapat menolong perkara ini mungkin pihak-pihak koperatif yang tidak menyelesa-

kan kira-kiranya beberapa tahun yang lepas barangkali pihak Perbendaharaan sendiri tidak dapat memungut cukainya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Akta ini sebagai satu percubaan kepada satu-satu syarikat koperatif menghadapi masaalah baru, sebab sebelum daripada ini pihak Kerajaan tidak mengambil cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat koperatif ini. Dalam melaksanakan Akta ini saya merayu juga kepada pihak Kerajaan sendiri menimbangkan sekiranya perkara ini didapati mungkin dalam kira-kira koperatif itu menunjukkan keuntungan tetapi pada kira-kira sebenar syarikat itu tidak mempunyai keuntungan. Setahu saya banyak berlaku kepada mana-mana syarikat, lebih-lebih lagi syarikat koperatif ini yang sebelum daripada ini mungkin perjalanannya kurang betul, saya hendak kata tidak betul pun tidak berani, tetapi kurang betul sebab di antara syarikat koperatif ini yang Pengerusi atau Pengarahnya terdiri daripada pegawai-pegawai sendiri dan dari segi kira bicara beli perniagaannya itu dikerjakan oleh pegawai yang bertugas di syarikat ini. Kadang-kadang mengikut apa yang saya tahu kira-kira itu terlampau mudah, maknanya cara lama, tidak mempunyai resit sedangkan wang itu keluar tetapi tidak ada kenyataan dan kalau hendak masukkan ke dalam kira-kira sudah menjadi sesat. Apabila perkara ini timbul mungkin pihak Perbendaharaan akan menekan satu-satu syarikat ini dan saya percaya kepada syarikat-syarikat yang tertentu akan menghadapi kesukaran benar apabila dikesan oleh pihak Perbendaharaan sewaktu hendak memungut cukai daripada syarikat koperatif ini. Kalau silap, saya rasa mungkin pegawai-pegawai yang berkenaan di syarikat-syarikat koperatif itu akan menghadapi tindakan undang-undang dalam perjalanan syarikat itu. Apa yang saya hendak merayu di sini supaya pihak Perbendaharaan dalam menjalankan kuatkuasa Akta ini dapat memberi timbangrasa kepada syarikat-syarikat yang telah lama tidak dapat berjalan dengan betul ataupun kenyataan-kenyataan itu tidak betul dari segi kira-kiranya.

Saya merayu supaya dalam menjalankan Akta ini jangan menekan kepada satu-satu syarikat itu sehingga sampai membawa kepada kemunduran ataupun menyebabkan

syarikat itu mati apabila Pengerusinya ataupun pihak yang bertanggungjawab menguruskan syarikat ini diambil tindakan undang-undang. Ahli-ahlinya tidak memberi kepercayaan kepada syarikat ini. Mungkin satu-satu syarikat yang sedang berjalan sekarang ini yang kira-kiranya belum selesai dua tiga tahun yang lepas apabila diambil tindakan ini maka hilang kepercayaan daripada ahli-ahli syarikat. Jadi, itu yang saya hendak merayu. Sebelum daripada tindakan yang keras yang dijalankan oleh pihak Perbendaharaan sendiri tolong beri nasihat, tolong perbetulkan syarikat-syarikat yang tidak dapat memperbetulkan kira-kiranya sebab saya tahu benar banyak syarikat-syarikat koperatif ini tidak dapat membetulkan kira-kira oleh sebab cara dia berniaga tidak mempunyai satu-satu kenyataan yang lengkap. Ini saya minta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri.

4.10 ptg.

Tuan Haji Suhairni bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya berdiri menyokong Rang Undang-undang berkenaan dan izinkan saya menyentuh tentang fasal yang berkenaan dengan gerakan koperatif.

Saya berasa bimbang sedikit di atas niat hendak mengenakan cukai terhadap pendapatan syarikat-syarikat koperatif sungguhpun ada syarat-syarat yang tertentu dalam Rang Undang-undang ini dan juga ada had kecualian-kecualiannya, tetapi pada keseluruhannya saya bimbang mungkin apa yang hendak dituju tidak akan tercapai dan mungkin banyak pula kesan-kesan yang kurang sihat akan timbul daripadanya.

Satu daripada perkara yang terlintas pada fikiran saya ialah berapakah syarikat-syarikat koperatif yang mungkin terkena dengan makna terpaksa membayar cukai pendapatannya apabila Rang Undang-undang ini berkuatkuasa. Kalau saya tidak silap, tidak banyak rasanya bilangan syarikat-syarikat koperatif yang besar sungguhsungguh berjaya. Saya boleh menyatakan beberapa sahaja syarikat-syarikat koperatif yang telah muncul sebagai syarikat yang begitu maju dan berjaya. Misalnya, syarikat Koperatif Polis, M.C.I.S., Syarikat-Koperatif Bank Rakyat dan sebagainya. Sekiranya bilangan yang akan tertakluk di bawah undang-undang terpaksa membayar cukai

pendapatan ini bilangannya kecil, apakah ini akan benar-benar akan mendatangkan faedah dari segi jumlah pendapatan negara kita. Apakah kita telah timbang untung-ruginya dari segi kesan Rang Undang-undang ini dari segi gerakan koperatif.

Sungguhpun gerakan koperatif sudah lama, tetapi dewasa ini nampaknya sambutan rakyat jelata terhadap koperatif ini begitu menggalakkan. Yang menarik perhatian ialah sambutan dari segi gerakan koperatif ini begitu menarik daripada kawasan desa, kawasan luar bandar dan juga mereka yang berpendapatan rendah nampaknya amat tertarik dengan konsep dan cita-cita dan faedah yang mereka fikir boleh lahir daripada gerakan koperatif ini. Ini nampaknya sedang berjalan. Perkembangan gerakan koperatif nampaknya begitu menggalakkan. Yang saya hendak bertanya, mungkinkah undang-undang berkenaan dengan koperatif ini boleh menjejaskan perkembangan yang sihat yang sedang berjalan dengan baiknya, sambutan yang hebat yang telah diberi oleh mereka di luar bandar dan juga mereka yang berpendapatan rendah terhadap gerakan koperatif ini. Umpamanya, baru-baru ini gerakan belia sendiri yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dan telahpun melancarkan suatu gerakan koperatif dengan nama Koperasi Gerakan Belia Nasional (KOBENA). Ini semuanya contoh-contoh yang menunjukkan bahawa sambutan gerakan koperatif ini begitu hebat dan menarik dan begitu hangat di kalangan ramai yang kita hendak tolong untuk memberikan pendapatan mereka iaitu mereka di desa dan mereka yang berpendapatan rendah.

Saya juga khuatir sekiranya kita adakan had (ceiling) yang lebih yang syarikat koperatif itu terpaksa membayar cukai, maka mungkin ada suatu akibat (effect), yakni syarikat-syarikat koperatif itu tidak mahu berjaya ataupun berkembang untuk ia terpaksa membayar cukai. Ia akan bergerak hanya sekadar di bawah ceiling itu sahaja kerana untuk hendak mengelakkan syarikat itu daripada membayar cukai, maka syarikat koperatif ini akan bergerak hanya setakat kurang daripada had maksima. Mungkin ini akan berlaku. Samada berlaku atau tidak, tidak dapatlah saya hendak memberikan kepastian, tetapi kemungkinannya ada. Saya berasa amat bimbang di atas

fasal-fasal yang ada kaitan dengan gerakan koperatif ini, tetapi saya percaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengkaji hal ini dengan teliti dan mendalam. Namun demikian, mungkin ada sebab-sebab yang agak kurang dikaji, maka saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengkaji dengan seteliti-telitinya hal ini supaya sungguhpun niat (intention) fasal-fasal ini baik, saya khuatir kalau-kalau apa yang kita hendak kejar itu tidak dapat dan apa yang kita sedang ada tercicir.

4.16 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Di sini saya mengambil peluang berkenaan dengan cukai yang dikenakan kepada koperatif yang akan dilaksanakan pada tahun 1977 kelak. Di dalam hal ini saya dapat mendengar rayuan-rayuan yang dikemukakan khususnya oleh Persatuan Kerjasama Negeri Perak sendiri yang telah mengadakan satu seminar baru-baru ini dan mereka telah mengemukakan rayuan ini supaya Kerajaan dapat menimbang semula berkenaan dengan cukai yang akan dikenakan. Ini kerana pada tempoh sehingga ini keadaan cukai yang tidak pernah dikenakan itu tiba-tiba pelaksanaan hendak dijalankan dengan segera. Saya tidak bermaksud supaya Kerajaan tangguhkan cukai ini, tetapi saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya mengkaji balik berkenaan dengan cara-cara pemotongan cukai yang telah ditetapkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, yakni pada \$10,000 yang pertama dikenakan 5% dan sehinggalah sampai kepada \$500,000 dikenakan pula 40%. Daripada angka-angka yang ditunjukkan di dalam Rang Undang-undang ini bererti apabila sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan dan mulai tahun hadapan—tahun 1978, Kerajaan akan memungut cukai-cukai bagi tahun 1977 sepertimana yang dicatitkan di sini. Pada rayuan yang telah dikemukakan yang saya telah dengar daripada Kesatuan Kerjasama Negeri Perak sendiri melalui saya, mereka meminta supaya peratus yang dikenakan ini dapat dikaji semula dan jika dikaji yakni

bermaksud dikurangkan daripada yang telah ditetapkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri.

Yang kedua, berkenaan dengan \$500,000 yang dikenakan sebanyak 40% ini dirayu supaya bukan \$500,000 tetapi 1 juta baru-lah dikenakan sebanyak 40%.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, bagaimana keadaan wujudnya koperasi di dalam negara kita ini sehingga pada saat ini di Semenanjung Malaysia ada sebanyak 1,290 koperasi dan ahlinya mengandungi sebanyak 849,200 orang, kumpulanwangnya sebanyak \$802 juta bagi Semenanjung Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

Di dalam rancangan ini saya tahu pihak Jabatan Koperatif ini sedang berusaha supaya daripada seramai 849,200 ahli ini, berusaha supaya ramai daripada rakyat negara kita ini dapat menyambut bagaimana perlaksanaan koperatif negara kita dan jika dapat di dalam tempoh yang paling singkat supaya menjadi 1 juta orang dan jika menjadi 1 juta orang tentulah kumpulanwangnya akan menjadi lebih daripada \$1,000,000 dan mungkin akan menambah bilangan koperasi negara kita. Tetapi saya bimbang jika sekiranya Rang Undang-undang ini dilaksanakan kelak keadaan ini berlainan pada hal pada tahun 1975 koperasi di Semenanjung Malaysia ada 1,200 dan oleh kerana perkembangan yang dibuat oleh Jabatan Koperasi sehingga saat ini sudah ada 1,260 dan sudah berlebihan dan begitu juga ahlinya pada tahun 1975 772,000 sahaja, sekarang sudah lebih daripada itu dan kumpulanwangnya \$728 juta sahaja, sekarang sudah lebih daripada itu Bererti apa yang dibuat oleh Jabatan Koperasi negara kita sedang begitu pesat dan kemungkinan pada masa akan datang tentulah bertambah baik.

Sebagai sebuah negara koperasi seperti negara-negara lain yang maju di dalam lapangan ini, dengan sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di samping pihak Jabatan ini menjalankan rancangannya yang begitu baik sehingga menambah keahlian koperasinya, kumpulanwangnya dan berbagai-bagai rancangan telah dibuat bagi masa yang akan datang, tiba-tiba apabila sahaja Rang Undang-undang

ini dikemukakan dan diluluskan kita bimbang keadaan ini tidak tercapai sepertimana yang kita hajat-hajatkan sangat. Oleh sebab itu, sekali lagi saya menyokong di atas ucapan Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan Yang Berhormat di Sepang dan di samping itu saya merayu supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian di dalam hal ini di samping mendapat kerjasama bagi memajukan rakyat kita masuk di dalam lapangan koperasi bagi masa ini dan satu masa yang akan datang.

4.23 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan mengemukakan kekhuatiran tentang pelaksanaan Undang-undang ini kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyatakan peristiwa yang telah menimbulkan kekhuatiran beliau itu dan memanglah undang-undang ini satu daripada tujuannya ialah supaya peristiwa yang telah beliau sentuh itu tidak akan berulang pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan masalah-masalah menyiapkan kira-kira pada tahun yang berkenaan untuk dikenakan cukai di bawah Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang kita bincangkan pada petang ini dalam Dewan ini adalah satu undang-undang yang boleh dikatakan secara tidak langsung menurunkan garis panduan kasar supaya gerakan koperasi dalam negara kita ini dapat dijalankan dengan lebih pesat dan lebih maju lagi. Saya suka menyatakan di sini jika pada masa yang akan datang ada peristiwa yang menunjukkan pelaksanaan Undang-undang ini akan menjejaskan gerakan koperasi dalam negara ini bolehlah dibuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri supaya masalah itu dapat diselesaikan dengan sebaik-baik yang boleh. Dan memanglah tujuan itu baik oleh kerana disebabkan gerakan koperasi dalam negara kita ini bukan satu gerakan yang telah maju akan tetapi adalah satu gerakan yang sedang dimajukan. Sebab itulah masalah-masalah dalam perjalanan gerakan itu tentulah akan timbul dan saya suka mencadangkan di sini supaya jika

dalam perjalanan kemajuan gerakan koperasi itu ditemui kesulitan eloklah kita meminta pertolongan daripada Jabatan Kemajuan Koperasi yang memang ada sekarang supaya pegawai-pegawai daripada Pejabat itu dapatlah memberi berbagai pertolongan dari segi kemajuan ataupun dari segi kira-kira untuk menemui pelaksanaan Undang-undang ini. Dengan cara itu saya harap dan saya yakin gerakan koperasi dalam negara ini akan lebih lancar lagi dan lama kelamaan taraf urusan dalam gerakan ini akan menjadi lebih professional pada satu masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menimbulkan berbagai kekhuatiran yang memang tepat dan kena pada tempatnya dan saya sukalah memberi jaminan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya perjalanan ataupun pelaksanaan Undang-undang ini akan dijalankan dengan cara sensible dan supaya tidak akan menjejaskan kemajuan gerakan koperasi yang dijalankan, dengan begitu pesat dalam negara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sebuah Undang-undang adalah ciptaan manusia juga dan memanglah tidak akan 100% perfect, kekal selama-lamanya. Dan apabila dalam pelaksanaan itu pada masa yang akan datang sekiranya kelemahan akan timbul, maka Kementerian saya sedia juga mengambil langkah supaya kelemahan dalam undang-undang itu dibetulkan dan pindaan-pindaan sesuai akan dibuat, jika perlu.

Kekhuatiran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh saya minta maaf tidak akan mengulangi mengenai keterangan yang telah saya beri sebentar tadi. Sekali lagi saya suka mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi pandangan yang sangat dihargai itu dan dengan itu sekali lagi saya memberi jaminan supaya Rang Undang-undang ini tidak akan dijalankan ataupun dilaksanakan melainkan gerakan dan kemajuan koperasi tidak akan dijejaskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1—

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan

Tuan Pengerusi: Ini berkenaan pindaan kepada Fasal 1, iaitu pindaan kepada perkataan “fasal” kepada “seksyen”.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tidak ada pindaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dalam Fasal 1 (2) baris yang pertama perkataan “fasal” 2 (b) itu digantikan dengan “seksyen”. Ini telah dimaklumkan kepada Dewan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, kerana selama ini saya tidak diberitahu mengenai pindaan ini. Saya mohon mencadangkan pindaan seperti berikut:

Gantikan perkataan “fasal” yang terdapat di baris satu dan dua dalam Fasal 1 (2) Rang Undang-undang itu dengan perkataan “seksyen”.

Substitute for the word “clause” appearing twice in line one in Clause 1 (2) of the Bill the word “section”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 sebagaimana yang dipinda diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 11 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.34 p.m.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Suatu

Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun diberitahu semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan untuk tahun 1977, bahawa Cukai Pembangunan yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat dan individu-individu, serta juga persatuan-persatuan yang lain seperti kelab, harta pusaka orang yang telah mati, dan badan amanah atau keluarga sekutu Hindu akan diubahsuai untuk menjadikan lebih “equitable”.

Dalam ucapan Belanjawan 1977 Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menerangkan iaitu pada masa ini di bawah Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, cukai pembangunan minima sebanyak \$100 atau \$250 atau \$500 mengikut modal terkumpul adalah dikenakan ke atas sesebuah syarikat walaupun syarikat itu tidak mendapat sebarang keuntungan. Bagi sebuah persatuan dan badan-badan lain yang telah saya sebutkan tadi cukai pembangunan minima sebanyak \$100 adalah dikenakan. Dari ini nyatalah bahawa cukai pembangunan minima itu dikenakan tidak diambilkira samada sesuatu syarikat atau persatuan itu menikmati keuntungan atau tidak. Kedudukan ini bolehlah dikatakan tidak “equitable”. Kerajaan telahpun mengambil keputusan supaya cukai minima ini dihapuskan dan hanya cukai pembangunan sebanyak 5% sahaja dikenakan atas pendapatan yang diperolehi dari sumber pembangunan.

Bagi pihak individu pula cukai pembangunan dikenakan atas sumber pembangunan yang melebihi \$3,000 atau \$2,000 bagi seorang rakan perkongsian yang menerima pendapatan dari sumber perkongsian. Mengikut keadaan sekarang mereka dikenakan cukai ke atas tiap-tiap ringgit pendapatan mereka dan tidak diberi apa-apa pelepasan. Nyatalah oleh itu bahawa beban ini adalah lebih berat bagi mereka yang memperolehi pendapatan pembangunan yang tidak jauh melebihi \$3,000 bagi individu atau \$2,000 bagi rakan perkongsian. Untuk membetulkan kedudukan ini Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk mengenakan cukai pembangunan atas pendapatan pembangunan yang melebihi \$3,000 sahaja atau \$2,000 sahaja bagi rakan perkongsian.

Semasa cadangan untuk mengenakan cukai pendapatan ke atas Syarikat-syarikat Kerjasama diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberitahu bahawa Syarikat-syarikat kerjasama adalah juga dikecualikan daripada cukai pembangunan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang telah saya sebutkan tadi akan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah perlu. Rang Undang-undang yang dibentangkan ini ialah untuk membuat peruntukan bagi melaksanakan cadangan-cadangan itu. Fasal 2 memperuntukkan pengecualian bagi Syarikat-syarikat Kerjasama daripada Cukai Pendapatan Tambahan ataupun cukai pembangunan.

Fasal 3 (a) membuat peruntukan untuk menghapuskan anomali yang ada sekarang di mana sesuatu persatuan atau syarikat itu dikenakan cukai pembangunan minima sebanyak \$100. Dengan pindaan yang dibuat sekarang ini maka persatuan-persatuan itu ataupun syarikat-syarikat adalah diletakkan dalam suatu kedudukan yang sama kesemuanya dan dikenakan cukai pembangunan sebanyak 5% sahaja atas pendapatan pembangunan ataupun keuntungan.

Fasal 3 (b) dan (c) membuat peruntukan untuk mengenakan cukai pembangunan atas seorang perseorangan atau individu sekiranya pendapatan pembangunannya melebihi \$3,000. Ini bermakna seseorang yang mempunyai pendapatan pembangunan yang tidak melebihi \$3,000 adalah dikecualikan dari membayar cukai pembangunan.

Berkenaan dengan Fasal 3 (d) dan (e) peruntukan yang dibuat adalah untuk mengenakan cukai pembangunan ke atas orang perseorangan yang mempunyai punca perkongsian sekiranya pendapatan pembangunannya melebihi \$2,000. Ini bermakna pendapatan pembangunan daripada perkongsian yang kurang dari \$2,000 tidak akan dikenakan cukai pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.39 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di samping itu saya ingin menyampaikan satu cadangan supaya dapat dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya merujuk kepada Fasal 3 (b) dan (c) yang bertujuan meminta seksyen 16 (1) supaya orang perseorangan yang tidak mempunyai punca perkongsian adalah dikecualikan daripada cukai pembangunan jika pendapatan dan pembangunannya tidak melebihi \$3,000. Walau bagaimanapun, jika pendapatan pembangunannya melebihi \$3,000, cukai pembangunan akan dikenakan ke atas amaun yang melebihi 3,000 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jumlah \$3,000 ini patutlah ditambah hingga \$10,000 supaya perniagaan kecil dapat digalakkan di negara kita khasnya dalam bandar-bandar. Jika jumlah itu dihadkan kepada \$3,000 dan cukai pembangunan dikenakan ke atas amount yang melebihi \$3,000 maka orang-orang yang menjalankan perniagaan kecil seperti penjaja atau penjual barang-barang runcit atau penjual buku-buku dan lain-lain alat itu akan menghadapi kesusahan oleh kerana selain daripada membayar cukai pendapatan, dia juga dikehendaki membayar cukai pembangunan sekiranya pendapatan cukai pembangunannya melebihi \$3,000 sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita patutlah sedar bahawa dalam keadaan sekarang yang mana kita menghadapi inflasi dan kehidupan kos yang tinggi khasnya dalam bandar-bandar jika sekalipun jumlah pengecualian cukai pembangunan untuk pendapatan pembangunan ditambah dari \$3,000 hingga \$10,000 maka sebenarnya pendapatan seseorang peniaga itu yang hasilnya lebih kurang \$800 sebulan bukanlah satu pendapatan yang besar. Oleh sebab yang demikian, saya rasa tidak begitu adil bagi Kerajaan menghukum golongan perniagaan kecil dan sebaliknya patutlah meminda jumlah \$3,000 hingga \$10,000 sebagai satu langkah untuk menggalakkan penubuhan perniagaan kecil di negara kita.

Dan juga mengenai Fasal 3 (d) dan (e) yang bertujuan meminda Seksyen 16 (1) supaya orang-orang perseorangan yang mempunyai punca perkongsian adalah dikecualikan daripada cukai pembangunan jika pendapatan pembangunannya tidak melebihi \$2,000. Fasal ini juga menyatakan walau bagaimanapun jika pendapatan pembangunannya melebihi \$2,000 cukai pembangunan cuma dikenakan ke atas amount melebihi \$2,000 itu.

Pada pendapat saya, jumlah \$2,000 patutlah ditambah hingga \$9,000 untuk kepentingan perniagaan kecil dan juga atas sebab-sebab yang telah saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan dapat memberi pertimbangan sewajarnya kepada cadangan saya atas kepentingan golongan perniagaan kecil supaya pada masa yang akan datang lebih banyak perniagaan kecil dapat mencari nafkah yang lebih bermakna.

4.44 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang diumumkan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Rang Undang-undang ini amatlah baik yang telah dipinda oleh Kerajaan. Tetapi yang mendukacitakan saya tentang pengawasan walaupun \$2,000 ataupun \$3,000 itu tidak menjadi masalah sangat. Tetapi yang saya sedih, ialah cukai yang saya katakan tadi. Walaupun kita buat tidak lebih 3,000 misalnya, ada setengah syarikat-syarikat telah membuat berbagai-bagai buku lagi. Ada setengah buku yang betul dan ada setengah buku yang tidak betul. Ini kerap kali dilakukan oleh syarikat-syarikat ataupun kedai-kedai yang besar-besar, umpamanya. Ini kita biasa dengar. Katanya, ini satu buku khas untuk kira-kira yang benar-benar dan satu buku lagi yang hendak ditunjukkan kepada Kerajaan. Saya berpendapat, patutlah pihak Kementerian yang berkenaan menambah pegawai-pegawai lagi untuk mengawasi syarikat-syarikat seperti ini.

Kepada pegawai-pegawai yang berpendapatan tetap, mereka ini tidaklah boleh

hendak lari daripada dikenakan cukai, kerana pendapatan mereka diketahui oleh Kerajaan sendiri dan potongan dengan sendirinya akan dipotong daripada gajinya walaupun mereka ada wang atau tidak, kerana mereka berkhidmat dengan Kerajaan. Tetapi bagi setengah-setengah syarikat seperti yang saya katakan tadi mereka boleh buat dua tiga buku untuk ditunjukkan kepada Kerajaan. Ini patut diawasi dan ditambah lagi pegawai-pegawai supaya perkara-perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku.

Yang kedua, melarikan cukai. Saya dapati banyak pihak-pihak badan-badan perseorangan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila tumpukan kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini. Ini bukanlah masanya untuk melarat membahaskan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan secara umumnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi yang saya tengok

Tuan Yang di-Pertua: Sokong, sokonglah! itu elok. Tetapi hendak melarat kepada perkara-perkara membahaskan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan secara umum bukan masanya pada hari ini. Bahaskanlah atas apa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berharap apa yang diputuskan oleh Kerajaan ini dapat dijalankan dengan sebenarnya dan selari dengan apa yang diputuskan.

4.47 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangannya atas Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan sedikit sebanyak supaya peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dipinda. Akan tetapi sekiranya beliau hendak mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang ini, sepatutnya menunggu sampai masa peringkat

Jawatankuasa dan bentangkan cadangan-cadangan itu sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Standing Order 57. Tetapi walau bagaimanapun, pandangan-pandangan beliau itu telah saya catitkan supaya dibincangkan dengan pegawai-pegawai saya dan jika boleh dipraktikkan, barangkali pada satu masa yang akan datang, kita akan buat pertimbangan yang lebih lanjut lagi.

Berkenaan dengan buku-buku resit yang dikatakan disediakan dua set yang ditimbulkkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Kementerian Kewangan tahu akan hal ini dan di Kementerian Kewangan ada satu Pasukan Pegawai-pegawai Pencegah yang sentiasa mengawasi keadaan ini dan kerap juga kita dapat mencegah perkara yang tidak sihat itu. Adalah diharap bahawa orang ramai yang tahu tentang hal ini termasuk sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kangar, silalah beritahu penerangan itu kepada Pasukan Pegawai-pegawai Pencegah ini supaya boleh dapat menjalankan tugas dengan lebih lanjut lagi supaya keadaan yang tidak baik itu dihentikan seboleh-bolehnya pada masa yang akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUSAHAAN NENAS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.51 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Perusahaan Nenas 1957 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Ordinan Perusahaan Nenas berkuatkuasa pada tahun 1967, belum ada dibuat kajian teliti ke atas Ordinan itu untuk memastikan bahawa Ordinan itu masih sesuai dan berkesan. Dengan sebab itu terdapat beberapa peruntukan di dalam Ordinan itu yang didapati sudah ketinggal masa ataupun tidak lagi mempunyai kesan yang baik. Maka pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah dengan tujuan mengemaskinikan peruntukan-peruntukan yang tidak lagi sesuai dan juga untuk memperbaiki pengawasan dan pengawalan ke atas aktiviti-aktiviti perusahaan nenas serta mempergalakkan kemajuan perusahaan nenas.

Perkara yang utama mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah mengenai pengeluaran Singapura daripada bidang kuasa Ordinan Perusahaan Nenas, sementara pindaan-pindaan yang lain adalah berkaitan dengan lanjutan kuasa ke atas semua pihak-pihak yang terlibat dalam perusahaan nenas termasuk orang-orang tengah yang dipanggil "vendors" dan "transporters", dan juga untuk mengemaskinikan lain-lain peruntukan di mana perlu, ataupun merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan Singapura tidak lagi sesuai bukan sahaja kerana Singapura ialah sebuah negara yang berasingan tetapi juga kerana aktiviti-aktiviti perusahaan nenas dalam Semenanjung Malaysia seperti penanam dan pengkilangan nenas tidak lagi melibatkan Singapura. Semenjak awal tahun ini, kilang nenas yang terakhir di Singapura telahpun dipindahkan ke Johor dan dengan itu bolehlah dikatakan bahawa semua perkara-perkara mengenai pengawalan dan pengawasan perusahaan nenas tidak lagi melibatkan Singapura. Oleh hal yang demikian, adalah sesuai untuk membereskan Ordinan Perusahaan Nenas supaya mencerminkan keadaan-keadaan yang terdapat pada masa sekarang. Peruntukan-peruntukan sekarang yang ada mengaitkan Singapura dan perlu dipinda adalah seperti berikut:

- (a) mengenai definisi "exporter" dan "marketing society" di bawah seksyen 2 di mana peruntukan yang mengaitkan Singapura perlu dikeluarkan dari definisi-definisi itu;
- (b) seksyen 3 mengenai perlantikan ahli-ahli Lembaga Perusahaan Nenas di

mana kuasa melantik Pengerusi Lembaga dan beberapa ahli yang lain perlu dipindahkan dari kuasa bersama ketua kedua-dua negara Malaysia dan Singapura kepada Menteri berkenaan, dan juga di mana perwakilan Kerajaan Singapura dalam Lembaga perlu dibatalkan;

- (c) begitu juga mengenai perlantikan Juru-odit Lembaga di bawah seksyen 7 (5) dan ahli-ahli Badan Pengadilan Rayuan (Tribunal of Appeal) di bawah seksyen 24 (1) di mana kuasa melantik akan diubah daripada kuasa bersama kedua-dua Ketua Negara kepada menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Ordinan Perusahaan Nenas lebih berkesan, maka beberapa pindaan adalah perlu dengan tujuan memanjangkan bidang kuasa pengawalan dan pengawasan Ordinan itu kepada semua pihak yang terlibat di dalam perusahaan nenas. Dengan membawa orang-orang tengah sebagai "vendors" dan "transporters" ke bawah kuasa Lembaga maka dapatlah Lembaga mengawasi aktiviti-aktiviti mereka supaya menentukan yang pekebun-pekebun kecil memperoleh bayaran harga buah yang berpatutan dan perkhidmatan pengangkutan buah yang cukup dan licin. Sesuai dengan tujuan di atas, maka beberapa seksyen dalam Ordinan Perusahaan Nenas perlu dipinda iaitu seksyen 11, 14, 21 (1), 23 dan 25. Selain dari itu terdapat pula pindaan-pindaan yang juga bertujuan meluaskan lagi bidang kuasa Ordinan Perusahaan Nenas iaitu pertamanya mengenai seksyen 25 (2) (D) di mana kuasa mengawal cara-cara tanaman nenas dikenakan juga ke atas pekebun-pekebun kecil. Pada masa ini kawalan tersebut hanya dikenakan kepada pengkilang-pengkilang yang berdaftar sahaja. Dengan kawalan ini maka Lembaga dapat menentukan supaya pekebun-pekebun kecil menggunakan benih yang baik, baja yang diperakui, menghomon pokok pada musim-musim yang ditentukan, dan lain-lain lagi, iaitu sebagai langkah meniggikan lagi mutu buah nenas. Pindaan juga perlu ke atas seksyen 21(4) di mana kuasa Ketua Merinyu untuk memeriksa buku-buku dan lain-lain dokumen diluaskan lagi dari pengkilang dan pengeksport berdaftar sahaja seperti yang terdapat sekarang kepada semua pihak-pihak yang berdaftar di bawah Ordinan Perusahaan Nenas. Bagi menentukan supaya

semua kumpulan yang berdaftar di bawah Ordinan itu mematuhi undang-undangnya, maka kuasa Lembaga untuk mengenakan denda dikenakan juga ke atas semua kumpulan yang berdaftar di bawah undang-undangnya. Pada masa ini hanya beberapa kumpulan sahaja yang tertakluk di bawah kuasa denda ini seperti pengkilang, pengeksport dan lain-lain. Bagi maksud ini maka satu perenggan baru perlu dimasukkan di bawah seksyen 25 (2).

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan berikut yang dibuat adalah untuk mengemas-kan lagi beberapa peruntukan sekarang supaya menjadi lebih berkesan lagi, seperti memberi kuasa kepada Lembaga mengenakan bayaran pendaftaran di bawah seksyen 25 (2) dan menghendaki supaya semua wang yang dipungut di bawah Ordinan ini dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Perusahaan Nenas di bawah seksyen 7 (2) (a).

Mengenai lain-lain perkara, seksyen 7 (7) akan dipinda untuk menambah bilangan mesyuarat biasa yang lembaga hendak mengadakan tiap-tiap tahun; pindaan atas seksyen 22 dibuat supaya taraf "public servants within the meaning of the penal code" dikenakan juga ke atas semua ahli, pegawai dan kakitangan Lembaga, seksyen 25 (2) (F) akan dipinda supaya memberi kuasa atas pembayaran perbelanjaan pengangkutan dan lain-lain elaun kepada ahli-ahli lembaga yang menghadiri mesyuarat. Perkara yang lain ialah mengenai pembentukan peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan tujuan-tujuan Ordinan Perusahaan Nenas yang mana mengikut peruntukan sekarang perlu mendapat kelulusan Dewan Rakyat terlebih dahulu. Supaya selari dengan kebanyakan undang-undang sekarang di mana peraturan-peraturan seperti itu boleh diluluskan oleh Menteri sahaja, maka peruntukan tersebut yang terdapat di dalam seksyen 25 (3) perlu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Member: Kehajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.59 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Ratu Pahan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengalu-alukan Rang

Undang-undang Perusahaan Nenas, 1957 yang baru sahaja dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Saya berpendapat sepatutnya pindaan ini telah lama dibuat dan bolehlah dikatakan ini sudah terlampau lambat. Walaupun demikian, seperti saya katakan tadi masa belum terlambat lagi dan sesuaiilah bagaimana yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan kerana banyak perkara-perkara yang saya rasa tidak menyenangkan kita penduduk-penduduk Malaysia terutama penanam-penanam nenas, misalnya mengenai dengan Singapura dalam menentukan perkara-perkara yang berhubung dengan Lembaga ini, kerana kita tahu selain daripada Singapura sebuah negara yang lain, Singapura tidak ada pun kebun nenas. Oleh itu, pindaan ini saya anggap pindaan yang paling penting. Dengan pindaan ini juga saya harap Lembaga ini akan dapat menjalankan usahanya dengan lancar untuk menentukan perusahaan nenas kita setanding dengan mutu nenas antarabangsa terutamanya mengenai kedudukan pekebun-pekebun kecil nenas. Kerana saya rasa di antara pengusaha-pengusaha nenas samada mengeting, mengilang, mengkalang dan sebagainya penanam-penanam kecil nenas yang menjadi mangsa yang paling hebat, kerana mereka tidak ada perusahaan yang lain daripada menanam nenas dan bila nenas sudah cukup masak, mereka terpaksa mahu tidak mahu kadang-kadang tidak laku pun mereka terima juga. Seperti yang saya katakan tadi, nenas mereka sudah masak, mereka tidak boleh berbuat apa lagi, jadi pihak yang membeli nenas boleh menentukan harga mengikut kehendak mereka. Saya harap dengan pindaan ini, keadaan ini akan dapat diperbaiki.

Mengenai dengan Lembaga Perusahaan Nenas ini yang setahu saya ada wakil daripada penanam-penanam kecil nenas tetapi apa yang saya diberitahu bahawa wakil ini telah lama duduk dengan tidak berganti dan saya dapat tahu wakil penanam-penanam kecil nenas ini yang duduk dalam Lembaga ini bukan dilantik ataupun dipilih oleh penanam-penanam itu sendiri bahkan dilantik oleh pihak Lembaga. Saya harap wakil pekebun-pekebun kecil nenas ini dapat ditimbang supaya benar-benar mewakili kepentingan pekebun-pekebun kecil nenas.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya banyak badan-badan yang mengelolakan perusahaan nenas ini samada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri dan saya rasa tidak payah disebutkan di sini. Cuma apa yang saya harapkan, kalau boleh badan-badan itu hendaklah diletakkan terus di bawah Lembaga Perusahaan Nenas atau setidak-tidaknya Lembaga Perusahaan Nenas ini menjadi badan penyelaras di antara badan-badan yang terlampau banyak samada di peringkat Negeri, atau di peringkat Persekutuan dengan harapan bahawa masalah pekebun-pekebun kecil nenas ini dapat diperhatikan.

Begitu juga mengenai penggunaan nenas. Saya harap supaya Lembaga ini dapat mencari jalan, kalau boleh keseluruhannya samada buah-buah nenas yang besar, yang kecil, yang sedang masak atau yang telah terlampau masak, dapat digunakan untuk ditinkan samada dijadikan jem atau sebagainya. Begitu juga daripada kulit nenas. Saya dapat tahu ianya boleh diproses untuk dijadikan makanan binatang. Demikian juga daunnya di setengah-setengah negeri dijadikan bahan rami atau sebagainya. Saya rasa kalau Lembaga ini dapat menghasilkan perkara ini, maka nasib pekebun-pekebun kecil nenas akan dapat lebih terjamin; maksud saya tenaga yang mereka keluarkan adalah seimbang dengan hasil pendapatan yang akan mereka terima kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dasar (policy) hendak memberikan sebanyak 30% daripada hasil nenas yang dikilang kepada kaum bumiputra untuk menjadi pengedarnya, tetapi bila ada pengedar bumiputra yang cuba hendak mendapatkan nenas yang telah ditinkan untuk menjadi pengedarnya, maka didapati mereka tidak dapat nenas yang sepatutnya hendak dijalankan usaha sebagai pengedar. Dan saya mengharapkan dengan pindaan ini, adalah diharap kita dapat mengembalikan semula kepercayaan ramai dan meninggikan mutu nenas kita di pasaran antarabangsa yang saya dapat tahu pada masa-masa yang lalu oleh sebab ada berbagai-bagai perkara yang tidak dapat dielakkan terutamanya pengeluaran nenas daripada Kilang Nenas Kebangsaan di Pontian tidak dapat diterima oleh pihak-pihak pembeli antarabangsa. Jadi, dengan adanya pindaan ini seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kita harap keadaan ini akan dapat

dipulihkan semula kerana sepertimana kita maklum khususnya dalam negeri Johor, banyak tanah-tanah gambut yang tidak sesuai dengan tanaman lain, melainkan dengan tanaman nenas. Maka dengan sebab itu, nasib masa hadapan mereka sebagai penanam-penanam nenas terutama pekebun-pekebun kecil nenas akan dapat terjamin.

Dengan ini saya sekali lagi mengalu-ngalukan pindaan ini dan saya harap ianya akan dapat memberikan kebaikan kepada rakyat terutamanya pekebun-pekebun kecil nenas. Terima kasih.

5.06 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong bagi meminda Akta Perusahaan Nenas, 1957 seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk mengemas-kinikan perusahaan nenas dan membantu pekebun-pekebun kecil nenas daripada menjadi mangsa orang-orang tengah yang selama ini amat merugikan.

Dengan adanya pindaan ini, walaupun agak terlewat dan memakan masa hampir 19 tahun mengenai perusahaan nenas kita, ucapan tahniah haruslah diberi kepada Yang Berhormat Menteri yang sedar akan rahsia kemunduran perusahaan nenas kita yang dapat dicari dan dapat diubah dengan menolak negara Singapura campur tangan dalam perusahaan nenas kita juga dalam impot dan eksport nenas. Agaknya inilah yang merupakan satu cangkuk pada baju negara kita dalam perusahaan nenas yang kita tidak boleh hendak berjalan berseendirian tetapi bergantung kepada sebuah negara yang tidak ada sephohon nenas ditanam, tidak ada perusahaan nenas di sana dan tidak ada kepentingan rakyatnya dengan kebun nenas. Saya rasa dengan pindaan ini, perusahaan nenas kita akan berjalan dengan lebih lancar lagi.

Selama ini, kita rasa apa yang kita tersangkut dalam perusahaan getah, dapat kita ikhtiarkan secara bersendirian dengan menstabilkan harga getah. Begitu juga dengan kelapa sawit, dan baharu-baharu ini perusahaan kayu-kayan dapat dikontrol oleh kita daripada disalahgunakan oleh orang-orang lain. Selama ini bahan-bahan utama ini datang daripada negeri kita, tetapi singgah di sebuah negeri jiran dan negeri jiran menganggap bahawa itulah

ekspotnya—(barangnya) dengan dicop pula “first quality”, quality yang paling baik di dunia. Saya rasa pada masa akan datang harus perkara ini tidak akan berlaku lagi. Atas kesedaran Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, samada mengenai getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan sekarang ini nenas, sekali lagi kami beri pujian yang tinggi dan tahniah.

Dalam hal ini juga adalah diharapkan bahawa dengan adanya pindaan ini maka badan-badan yang hendak mengusahakan nenas mestilah didaftarkan. Ini boleh mengelakkan daripada campur tangan orang tengah ataupun eksploitasi orang tengah yang selama ini merugikan pekebun-pekebun kecil nenas kita. Orang-orang tengah yang tidak berdaftar (register) campur tangan dalam pembelian dan penjualan nenas dan mereka sangat bijak dalam menggunakan masa-masa hendak mencari harga yang murah dan merugikan penanam-penanam. Baru-baru ini kita dengar berita bertimbulkun nenas di tepi jalan dan tidak ada siapa yang hendak mengangkatnya. Masa nenas banyak, orang-orang tengah itu tidak mahu beli, sebab yang mengusahakan penanaman nenas iaitu pekebun kecil kebanyakannya orang bumiputra. Dalam hal ini juga kita nampak bagaimana orang-orang bumiputra kita dalam perusahaan nenas didiskriminasikan oleh orang tengah yang ada modal untuk membeli dan membawanya ke kilang. Masa mereka tidak hendak beli, busuklah nenas itu. Jadi diharapkan dengan adanya Akta yang seumpama ini, orang yang hendak membeli, menjual dan menanamnya sekali mesti didaftarkan dan mereka sahaja berhak boleh membeli dan boleh menjual. Saya rasa nasib pekebun-pekebun kecil kita tidaklah begitu rugi sangat pada masa akan datang dan boleh jadi satu perkara yang boleh membela nasib mereka pada masa akan datang ini. Oleh sebab perusahaan nenas boleh dikatakan satu perusahaan utama kita dan daripada nenas, Malaysia kita telah masyur di dunia; bagaimana enaknya nenas Malaysia, saya harap dengan adanya Akta ini akan bertambah baik lagi pengawalan perusahaan nenas Malaysia dan kalau boleh diikhtiarkan bagaimana cara hendak menstabilkan harga nenas supaya pasaran nenas kita dan nasib pekebun-pekebun kecil nenas kita ataupun perusahaan kita tidak dimainkan oleh orang seperti getah, kelapa sawit dan

sebagainya. Saya harap Menteri yang berkenaan berikhtiar supaya nenas juga dibuat satu harga yang stabil dengan berpa at dengan negara-negara pengeluar nenas yang besar. Saya rasa dengan cara seperti itu boleh jadi perusahaan nenas di Malaysia akan bertambah maju dan nasib penanam-penanam nenas akan bertambah baik dari semasa ke semasa.

Begitu juga A ta ini sangat memberi faedah dalam mengawal cara penanaman nenas, tidaklah dibiarkan nenas itu ditanam mengikut suka hati, dibaja mengikut suka hati, di tempat yang tidak sesuai, ini merugikan penanam-penanam sendiri. Apabila penanam mengalami kerugian maka Kerajaan juga yang akan campur tangan dan terpaksa mencari ikhtiar menolong mereka. Jadi kalau daripada awal-awal lagi di awal bagaimana cara perusahaan nenas, penanaman nenas, membajanya, memilih tanahnya seperti dalam Akta ini, saya rasa perusahaan nenas kita adalah lebih baik, lebih maju dan lebih mengeluarkan nenas yang bermutu tinggi. Dengan cara yang semacam itu, sesuai dengan cadangan saya tadi supaya nenas dijadikan satu bahan utama dan diadakan A ta bagi menstabilkan harganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak henda menyentuh banyak perkara, sebab pada keseluruhannya A ta ini nampaknya baik dan dengan itu saya menyokong sekali lagi Akta ini.

5.13 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Ledang yang telah sudi mengemukakan pendapat mereka di dalam perbahasan kita pada petang ini.

Ada dua tiga perkara sahaja yang harus saya sebutkan di sini, iaitu yang pertama sekali berhubung dengan wakil pekebun-pekebun kecil nenas. Saya memang mengaku bahawa sebenarnya wakil ini tidak dengan cara rasmi (formal) dilantik sebagai wakil Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Nenas, tetapi setakat ini saya suka menjelaskan bahawa seorang wakil yang berkenaan itu sangat popular dan sangat berkesan dan diterima oleh pekebun-pekebun kecil keseluruhannya daripada kawasan yang berkenaan berasas daripada pengalaman saya dan

pegawai-pegawai Kementerian saya di dalam segala hal ehwal berhubung dengan tanaman nenas dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ahli yang berkenaan ini akan tamat memegang jawatannya di dalam Lembaga pada tahun 1977. Kalaulah nanti didapati bahawa Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Nenas akan dapat menamakan ahli yang lain, maka insya Allah, akan dapat dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan bahawa saya sendiri sangat menghargai perwakilan yang telah dibuat oleh wakil yang berkenaan yang ada sekarang ini.

Soal yang kedua yang telah dibangkitkan ialah berhubung dengan memproses nenas pada keseluruhannya. Saya suka menyatakan bahawa setakat ini saya belum bersetuju lagi untuk Lembaga melibatkan dirinya di dalam proses nenas oleh sebab tanggungjawab asas saya pada masa ini ialah untuk memperbaiki pengeluaran ataupun tanaman nenas ini dan pengeluaran buah yang bermutu tinggi. Soal memprosesnya sekarang sedang dijalankan oleh badan-badan berkanun yang lain seperti FIMA yang anak syarikatnya seperti P.C.M., seperti Ahli Yang Berhormat sedia ma lum. Walau bagaimanapun, saya sukalah menyatakan di sini bahawa memang ada penyiasatan dan penyelidikan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan melalui MARDI di mana kajian sedang dibuat di atas kegunaan nenas yang lain selain daripada nenas itu menjadi makanan biasa, seperti membuat cuka dari nenas dan juga membuat kain dari daun nenas seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka menyatakan sebenarnya FIMA memang sedang mendirikan ilang untuk menggunakan hampas nenas untuk dijadikan makanan ternakan, seperti saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat sendiri sedia ma lum.

Dari segi soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat iaitu soal pengedaran nenas tin, insya Allah, saya akan menyampaikan kepada pihak yang berkenaan di atas soal ini iaitu FIMA pada masa ini sebenarnya P.C.M., anak syarikat kepada FIMA sendiri mengedarkan lebih kurang 40% nenas tin dalam negeri kita ini. Jadi kalau P.C.M. itu diterima sebagai bumiputra pada keseluruhannya, saya fikir ini boleh diterima sebagai menasabah, walau bagaimanapun, saya fikir tentulah peluang

lain akan diberikan kepada bumiputra persendirian untuk mengedarkan nenas tin yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyebutkan soal pengstabilan harga buah nenas. Saya suka menyatakan bahawa untuk menstabilkan harga buah nenas ini ialah satu masalah yang rumit yang saya tidak berani mengakui akan dapat dijalankan samada dari segi dalam negeri ataupun dari segi antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya fikir dengan pengesahan ataupun penerimaan Rang Undang-undang ini dan memperbaiki kedudukannya pada keseluruhannya kita akan dapat memastikan pengeluaran mengikut aturan-aturan dan pengeluaran mutu yang lebih tinggi dan pengeluaran mengikut permintaan pasaran pada keseluruhannya dan dengan cara tidak langsung akan memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil terutama sekali akan mendapat pendapatan yang lebih lumayan daripada masa sekarang.

Saya memang bersetuju dengan kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Ledang yang menyatakan bahawa lewat dan lambat agaknya Rang Undang-undang ini diluluskan tetapi saya suka menyatakan bahawa maktumlah kita ada priority sedikit dalam soal getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan lain-lain juga berkehendakkan pandangan saya dan lagi pun saya telah menyatakan dalam ucapan saya tadi bahawa hingga awal tahun ini sahaja kilang nenas yang akhir telah ditutup di Singapura, jadi tibalah masanya untuk kita mengeluarkan Singapura daripada Rang Undang-undang ini.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.22 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Petroliam (Cukai Pendapatan) 1967" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroliam (Cukai Pendapatan) 1967 yang akan berkuatkuasa mulai 1hb April, 1975.

Perkara-perkara 2 dan 3 Rangka Undang-undang ini bertujuan untuk memotong Seksyen Kecil (3) Seksyen 2 dan Seksyen 18 (1) (i) Akta ini kerana peruntukan-peruntukan ini didapati tidak ada kaitan lagi selepas pindaan yang dibuat ke atas Akta terdahulu daripada ini.

Perkara 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 23 untuk mengurangkan kadar cukai daripada 50% ke 45% sepertimana dipersetujui dengan syarikat-syarikat minyak dalam persetujuan mengenai Perjanjian Perkongsian Pengeksploaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.23 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak membuat beberapa teguran dan perhatian terhadap Akta yang dinamakan Akta Petroliam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) (No. 2), 1976.

Saya percaya apabila pihak Kerajaan kita menggubal pindaan undang-undang ini pada ketika itu Kerajaan kita masih lagi berpegang kepada perjanjian asal yang dikemukakan antara pihak PETRONAS dengan pihak-pihak yang hendak mengendalikannya galian minyak di dalam negara kita. Saya juga percaya waktu Menteri Kewangan mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga dahulu berasaskan pendapatan negara dalam jangka lima tahun yang akan datang,

salah satu daripada hasilnya yang besar ialah pendapatan daripada petroliam di dalam negara kita. Pada hari ini Kerajaan kita telah membuat beberapa pindaan dan perubahan iaitu pihak PETRONAS yang telah menandatangani perjanjian dengan beberapa pihak yang akan mengendalikan minyak seperti Shell, Exxon dan sebagainya yang kita nampak di situ terlampau banyak sangat yang saya rasa kita ini memberi jalan (give way) supaya usaha menggali minyak ini dapat diteruskan.

Apa yang membimbangkan saya perjanjian baru ini memanglah hasrat Kerajaan kita baik, bertujuan untuk hendak menggalakkan pelaburan dan supaya pihak-pihak yang berkenaan mengambil bahagian dalam mendapatkan ataupun mendatangkan hasil daripada minyak dalam negara kita. Apa yang saya susah hati pada hari ini ialah masalah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Di sini daripada Akta ini inginlah saya mendapat penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan dengan adanya perubahan itu, sejauh manakah perkara ini boleh melibatkan kurangan pendapatan negara kita daripada hasil minyak negara.

Yang kedua, Akta ini sepatutnya bukannya untuk mengurangkan bayaran cukai, sepatutnya hendaklah ditambah. Selain daripada 50% hendaklah dijadikan 60% atau 70%. Kerana kalau kita sudah hilang sebahagian dalam perjanjian kita dengan pihak-pihak yang berkenaan tentulah pihak negara kita hendak mendapatkan wang untuk perbelanjaan negara bagi faedah rakyat rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita membaca dalam akhbar berita-berita OPEC telah bermesyuarat dan akan menaikkan harga minyak lagi sebanyak 10%. Sekiranya perkara ini berlaku, apakah tindakan pihak Kerajaan kita terhadap harga minyak yang ada di dalam negara kita pada hari ini, saya rasa telah cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata tidak mengetahui banyak sangat selok-belok, kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan kita. Yang mereka tahu negara kita ini ada mengeluarkan minyak. Soalnya, kenapa sesudah mengeluarkan minyak, negara kita juga menjual harga minyak yang mahal. Selok-belok, apa jenis minyak, mereka tidak pernah soal. Saya berharap sepatutnya kalau negara kita telah mene-

rima hasil daripada pengorek minyak ini, tidakkah Kerajaan akan memberikan subsidi kepada pengguna-pengguna supaya harga minyak kita ini bukannya naik tetapi harga minyak kita akan turun pada masa yang akan datang untuk orang ramai di dalam negara kita ini. Dengan sebab itu, saya menyokong pada dasarnya pindaan Akta ini, tetapi saya tidak bersetuju dengan Seksyen 23 yang hendak dikurangkan daripada 50% kepada 45%, pada saya hendaklah dijadikan sebaliknya.

5.29 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang telah menyampaikan kekhuatiran dan pandangan-pandangan atas Rang Undang-undang ini dan saya suka menyatakan pertimbangan sepenuhnya akan diberi kepada semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan pada petang ini dan perkara ini akan dapat dibincang dengan lebih lanjut dan lebih mendalam lagi pada masa akan datang yang tidak lama lagi apabila Akta Kemajuan Petroliam, 1974 dipinda dalam Dewan ini juga.

Buat sementara, semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu akan dimajukan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam perkara ini supaya apabila Akta Kemajuan Petroliam, 1974 itu dipinda kelak, semuanya akan dijelaskan dengan lebih mendalam lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meminta persetujuan saya, beliau sendiri bercadang hendak membawa atau mengemukakan Rang Undang-undang No. 30 dan No. 31 iaitu (DR. 53/76) berkenaan dengan Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil dan (DR. 52/76) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang, oleh sebab beliau ada urusan lain, barangkali harus di Dewan Negara. Jadi, saya minta seorang Menteri mencadangkan supaya kita ubah susunan apa yang akan kita bicarakan pada petang ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Majlis ini akan terus menimbangankan Perkara 32 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Majlis ini akan terus menimbangankan Perkara 32 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

RANG UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.34 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Pada masa ini Kementerian saya sedang berusaha mengembang dan menggalakkan perusahaan menternak secara besar-besaran, terutamanya perusahaan menternak lembu selaras dengan dasar hendak mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup untuk

keperluan negara dan pendapatan yang berpatutan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan. Matlamatnya ialah untuk mengeluarkan daging lembu cukup atau hampir cukup keperluan negara dan 70% keperluan susu dalam tahun 1990. Berdasarkan kepada keperluan daging lembu dalam tahun 1985 sejumlah 58 juta paun atau 180,000 ekor lembu yang disembelih berbanding dengan 32 juta paun atau 100,000 ekor lembu yang disembelih pada masa ini. Bermaknalah kita perlu menambah 80,000 ekor lagi lembu untuk disembelih menjelang tahun 1985 itu. Perbelanjaan untuk mengadakan 80,000 ekor lembu tambahan untuk disembelih menjelang tahun 1985 itu adalah dianggarkan sebanyak \$270.4 juta. Dari jumlah itu \$169.6 juta mestilah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan bakinya sejumlah \$100.8 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat. Begitu juga perbelanjaan yang dikehendaki bagi mengeluarkan susu pada peringkat 20% keperluan negara menjelang tahun 1990 itu adalah memerlukan peruntukan wang yang besar.

Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat ini telahpun mula dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua oleh MAJU-TERNAK dengan membuka 7 buah ladang ternakannya dengan jumlah keluasan 16,900 ekar dan 11,700 ekor lembu yang ditenak di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak. Sementara Bahagian Perkhidmatan Haiwan pula sedang menggalakan penternakan lembu susu di kalangan penternak-penternak kecil dengan cara menjualkan lembu-lembu susu baka baik dengan harga subsidi kepada penternak-penternak.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, rancangan-rancangan yang telah dimulakan itu akan terus dijalankan oleh kedua-dua agensi itu. Walau bagaimanapun, rancangan menternak lembu secara besar-besaran ini adalah terlalu besar bagi diadakan dan dikelolakan oleh agensi-agensi Kerajaan sahaja tambahan pula keupayaan agensi-agensi itu dari segi kepakaran, kemahiran, pengurusan dan teknologi penternakan adalah sangat terhad dan merupakan faktor-faktor yang boleh menghalang pencapaian matlamat itu. Oleh kerana itu MAJUTERNAK bercadang hendak memainkan peranan yang lebih aktif untuk menarik minat dan menggalakkan penyertaan pihak swasta dan pelabur menanam modal dalam perusahaan

ternakan dalam negara ini di samping mendapatkan kepakaran, kemahiran pengurusan dan teknologi penternakan yang diperlukan melalui penubuhan projek-projek usaha-sama. Untuk tujuan ini MAJUTERNAK perlu menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965. Peruntukan Akta MAJUTERNAK yang ada sekarang ini hanya membolehkan MAJUTERNAK menubuhkan perbadanan-perbadanan dengan menggunakan kumpulan wangnya sendiri dan sekiranya perbadanan ini dibubarkan kelak semua harta-hartanya akan menjadi milik MAJUTERNAK. Penubuhan perbadanan seperti itu tidaklah boleh untuk menjalankan sesuatu projek usaha-sama. Oleh itu, adalah perlu Akta MAJUTERNAK dipinda untuk memberi kuasa kepada MAJUTERNAK menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965 itu.

Pindaan juga dicadangkan supaya membolehkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan diubah kepada syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965 itu. Tujuannya ialah supaya orang-orang perseorangan, kumpulan ataupun badan-badan swasta yang berminat mengambil bahagian dengan cara membeli saham-sahamnya setelah diubah kepada syarikat.

Selain dari mengambil bahagian dalam perusahaan ternakan adalah perlu juga MAJUTERNAK mengambil bahagian dalam lain-lain perusahaan yang difikirkan perlu, berfaedah ataupun berkaitan dengan menjalankan tugas-tugasnya, umpamanya, dalam perusahaan pengeluaran bahan-bahan makanan ternakan dan baja untuk menentukan kejayaan rancangan ternakannya. Oleh itu, MAJUTERNAK perlu diberi kuasa bagi membolehkannya mengambil bahagian dalam semua perusahaan yang dimaksudkan itu samada secara bersendirian, usaha-sama ataupun secara penyertaan equity. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah untuk menukar nama jawatan Ketua Executive MAJUTERNAK yang dikenali dengan Timbalan Pengerusi. Nama jawatan ini adalah lebih sesuai ditukarkan kepada "Ketua Pengarah" selaras dengan tugas-tugasnya sebagai Ketua Executive.

Satu peruntukan baru dalam Akta MAJUTERNAK adalah juga dicadangkan untuk menentukan kepentingan MAJUTERNAK sentiasa dipelihara dan tidak dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan orang-orang yang

tidak bertanggungjawab, untuk kepentingan diri dan kepentingan peribadi mereka sendiri. Ini dibuat dengan mengadakan peruntukan melarang perlantikan orang-orang yang mempunyai kepentingan peribadi yang difikirkan bercanggah dengan kepentingan MAJUTERNAK menjadi Ahli Lembaga Pengarah ataupun pegawai MAJUTERNAK. Mereka yang telah dilantik atau akan dilantik juga akan diminta mengisytiharkan butir-butir harta dan kepentingannya dan melarang mereka itu mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan dan kerja-kerja yang difikirkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan MAJUTERNAK.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aisah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.40 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Isahak (Tanjung Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat mengemukakan pindaan ini. Mengikut kenyataan yang dibentangkan sebentar tadi adalah sungguh menggalakkan dan kita berharap kemudahan negara kita pada masa yang ditentukan akan dapat menambah makanan protein bagi negara kita dan boleh memberikan kesihatan yang baik kepada rakyat dalam negara ini. Apa yang saya hendak katakan di sini ialah galakan ataupun perkembangan ternakan lembu atau lain-lainnya untuk memberikan hasil tambahan makanan ini ialah jangan dibuat di satu-satu tempat yang tertentu sahaja.

Saya suka merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dibuat juga tiap-tiap daerah dan minta ditentukan tempat menernak lembu itu dirizabkan mulai daripada hari ini dan meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri supaya usaha ini dapat digalakkan lagi bagi tiap-tiap daerah.

Selain daripada itu, saya memberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri yang telah nampak dan sedar iaitu Lembaga

MAJUTERNAK ini telah dibuat kajian supaya tidak ada soal mementingkan diri di dalam masaalah memajukan perkembangan ternakan dalam MAJUTERNAK ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menggalakkan pihak swasta, saya rasa Yang Berhormat Menteri patut memberikan galakan yang meluas dan lebih lagi kepada Persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama dengan orang tempatan secara kumpulan dan memberikan subsidi yang berpatutan supaya perkara ini dapat dimajukan dan diusahakan oleh rakyat dalam negara ini sendiri.

5.43 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah membawa pindaan Akta ini bagi memajukan lagi ternakan di dalam negara kita ini. Apa yang menarik perhatian saya di dalam Rang Undang-undang ini ialah mengenai penubuhan syarikat ataupun bagi menggalakkan penubuhan ataupun peluang syarikat dan mendaftarkan sebagai syarikat di bawah Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara.

Saya tertarik hati berkenaan dengan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi iaitu pegawai-pegawai yang berkenaan akan bertanggungjawab kepada syarikat-syarikat yang tertentu ini dan akan mengistiharkan harta-harta beliau. Barangkali ini adalah satu kesedaran yang amat baik daripada Yang Berhormat Menteri sendiri berdasarkan kepada anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri yang banyak di antaranya telah menanggung kerugian dalam menjalankan syarikat-syarikat. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah berdasarkan seorang yang akan dipertanggungjawab bagi menguruskan syarikat-syarikat atau anak-anak syarikat yang akan ditubuhkan ini semata-mata kepada kelulusan tetapi hendaklah juga diberikan perhatian yang berat kepada orang-orang yang mempunyai pengalaman dalam perusahaan perniagaan, sebab pada anggapan saya ini adalah termasuk salah satu daripada segi perniagaan. Sebagai pengalaman kita yang telah lepas anak-anak syarikat yang ditubuhkan di

bawah badan-badan yang tertentu yang menanggung kerugian-kerugian tahun demi tahun mungkin pihak yang tertentu menerima seorang kakitangan bagi bertanggungjawab pada anak-anak syarikat yang ditubuhkan itu berdasarkan kepada kelulusan semata-mata, setengah-setengahnya adalah terdiri dari kakitangan yang amat muda yang baru keluar daripada universiti. Walaupun mempunyai kelulusan dari segi penguasaan perniagaan, tetapi apabila dibebankan tanggungjawab perniagaan ini beliau tidak cukup pengetahuan bagi selok-belok perniagaan untuk memajukan syarikat-syarikat ataupun anak syarikat yang ditubuhkan, lebih-lebih lagi mengenai syarikat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai tanggungjawab untuk perusahaan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya faham pengurusan ternakan lembu ini memang lambat untung, bukan boleh dapat keuntungan dalam masa setahun atau dua tahun. Jadi sudah tentulah Kerajaan mencurahkan modalnya bagi memajukan perusahaan ternakan ini memakan masa sekurang-kurangnya lima tahun atau sepuluh tahun lebih barulah keuntungan itu dapat dipungut balik. Sebelum tempoh lima tahun atau sepuluh tahun itu pihak Kerajaan terpaksa mengeluarkan modalnya pada tiap-tiap tahun. Dalam masa melaksanakan urusan dalam tempoh lima tahun yang belum mendapat keuntungan ini mungkin disalahgunakan? Saya tidak menuduh tetapi cuma mengingatkan berdasarkan kepada apa yang telah berlaku dan saya tidak menuduh apa yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi ini adalah berdasarkan kepada apa yang telah berlaku. Sekiranya disalahgunakan di dalam peringkat-peringkat ini mungkin usaha Kerajaan yang baik untuk menambahkan protin dan menambahkan pembiakan lembu di dalam negara kita ini akan terbengkalai begitu sahaja.

Selain daripada itu mengenai tempat yang hendak dimajukan penternakan lembu ini, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, umpamanya, kawasan penternakan yang ada di Trengganu. Saya tidak mengatakan salah pilih kawasan itu, tetapi apa yang saya lihat banyak kawasan itu berbukit sangat menyebabkan kesusahan kepada lembu-lembu yang ditanam di dalam kawasan itu hendak makan

di kawasan rumput itu. Di bahagian bawah pula kawasan paya, barangkali mengikut apa yang diberitahu kepada saya sewaktu saya membuat lawatan di sana lebih kurang enam bulan pada tiap-tiap tahun kawasan itu ditenggelami air. Inipun satu kesukaran juga, jadi masaalah tempat ini saya suka mengingatkan Yang Berhormat Menteri mungkin pada asasnya kita kurang cermat memilih tempat untuk dimajukan penternakan ini, maka terkena kawasan-kawasan yang berpayau sedangkan Kerajaan kita terpaksa mengeluarkan kewangan yang banyak bagi menjadikan kawasan itu padang ragutan atau padang rumput bagi penternakan lembu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Isi ucapan itu ucapan dasar Akta ini sendiri. Tolong tumpukan kepada pindaan, ini sahaja.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta ini di

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Walau apa maksudnya, Majlis ini sekarang membincangkan pindaan kepada Akta asal.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan Akta asal inilah yang saya maksudkan dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua itulah pandangan saya dalam pemindahan Akta ini yang membolehkan Yang Berhormat Menteri atau Lembaga MAJUTERNAK ini menubuhkan syarikat-syarikatnya untuk kemajuan penternakan. Apabila Akta ini dipinda tentulah pihak Yang Berhormat Menteri sendiri akan menubuhkan syarikat-syarikat yang dimaksudkan di dalam Akta ini. Di dalam menjalankan Akta ini, itulah pandangan-pandangan saya bagi perhatian Yang Berhormat Menteri, mudah-mudahan kita tidak akan keciwa di dalam satu-satu cita-cita Kerajaan untuk memajukan negara kita lebih-lebih lagi memajukan penternakan lembu di dalam negeri kita.

5.51 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abdul Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian mengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Ke-

majuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 yang baharu sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sebagaimana rakan-rakan saya, saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah terhadap usaha yang akan dijalankan oleh Lembaga ini, terutamanya dalam perusahaan ternakan lembu secara besar-besaran samada untuk keperluan daging dan juga susu yang kita harapkan pada suatu masa nanti kita tidak akan lagi mengharap impot susu dan daging daripada luar negeri.

Apa yang saya hendak tegaskan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan berkenaan dengan perusahaan menternak lembu secara besar-besaran, tetapi saya harap dalam perusahaan menternak lembu secara kecil-kecilan, terutamanya lembu pawah kalau dapat hendaklah diteruskan dan disusun semula dengan cara yang lebih baik. Saya rasa inilah peluang terutama petani-petani miskin di luar bandar untuk hendak sama-sama merebut peluang di dalam perusahaan menternak lembu ini. Apa yang akan menarik perhatian saya setelah beberapa tahun atau satu dua tahun yang lalu ini apabila saya membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri banyak kawasan-kawasan yang hendakkan lembu pawah ini. Saya diberitahu bahawa Kerajaan Pusat tidak lagi memberikan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Saya harap eloklah perkara ini ditinjau semula dan kalau boleh diteruskan sepertimana rancangan asalnya. Dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri saya harapkan perusahaan lembu pawah ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat.

Yang kedua, saya tertarik hati juga apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, rancangan ternakan ini bukan sahaja untuk petani-petani tetapi nelayan-nelayan juga. Tetapi apa yang saya suka hendak terangkan di sini saya ber-setujual bahawa petani-petani sedikit-sebanyak mereka telah menikmati rancangan ternakan ini. Cuma apa yang saya hendak katakan di sini supaya usaha-usaha ternak bagi nelayan-nelayan ini patut kita giatkan lebih-lebih lagi memandangkan pada waktu kuala tutup dan sebagainya. Ini akan dapat menambahkan mata pencarian nelayan-nelayan kita dan mungkin pada suatu masa nanti dengan cara ini dapat mengurangkan

jumlah nelayan kita. Jadi bukanlah ternak ini setakat lembu sahaja tetapi saya rasa bagi nelayan, ayam-itik ini patutlah kita galakan kerana ikan-ikan ataupun buangan-buangan ikan hasil tangkapan nelayan ini boleh dijadikan bahan makanan binatang-binatang ternakan mereka yang saya katakan tadi dapat menambahkan mata pencarian mereka. Dengan cara ini dapatlah kita menolong meninggikan lagi taraf hidup nelayan-nelayan kita.

5.56 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Akta Lembaga Kemajuan Haiwan Negara (Pindaan) 1976 yang telah dipinda oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana membawa pindaan kepada Akta ini iaitu untuk menubuh dan menggalakkan penubuhan atau peluasan syarikat-syarikat yang bersangkutan dengan penternakan lembu. Apa yang hendak saya cakapkan di dalam Majlis ini dan minta perhatian Menteri berkenaan ialah mengenai ternakan yang dibuat oleh negara-negara luar. Kementerian ini patut menarik modal dari luar, terutama daripada Amerika Syarikat dan Amerika Selatan yang kita tahu ternakan mereka ini sudah diadakan berpuluh-puluh tahun yang silam dan mendapat kemajuan yang sangat besar seperti Prairie di Amerika Syarikat dan Pampas di Amerika Selatan. Jadi di dalam tempat-tempat ini ternakan-ternakan diadakan secara besar-besaran dan dapat diekspot ke seluruh dunia.

Begitu juga di Australia dan negeri Belanda. Inilah negara pengeluar daging yang terbesar di dunia dan juga pengeluaran susu. Susu seperti yang kita tahu adalah keperluan setiap bayi di dalam negara ini tidak kira bayi itu datangnya dari keluarga yang berada ataupun kurang berada. Jadi dalam hubungan ini lagi sekalilah saya katakan Akta ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan sangat penting iaitu untuk mengurangkan; dengan adanya Akta ini kita harap pada suatu masa kita akan dapat mengurangkan impot susu dan impot daging daripada negara luar.

Selain daripada kita patut menarik modal luar yang saya katakan tadi, dalam usaha sama dengan negara-negara yang saya

maksudkan tadi, patut juga dikaji makanan atau jenis-jenis rumput yang patut kita tanam di negara ini yang boleh mempercepatkan binatang ternakan kita itu menjadi gemok. Misalnya, rumput yang bernama "alfalfa" yang ditanam di Amerika Selatan. Ini satu jenis rumput yang sangat baik untuk makanan lembu-lembu dan patut dikaji samada rumput jenis ini sesuai atau tidak dengan keadaan hawa atau iklim di negara kita. Saya fikir dengan cara ini maka rancangan kita hendak mengadakan ternakan lembu secara besar-besaran itu akan dapat kemajuan yang lebih pesat. Dan disamping itu saya juga seperti rakan-rakan yang lain mengharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi bantuan ternakan kepada para petani kita atas usaha untuk menambahkan lagi pendapatan petani-petani selain daripada pengeluaran hasil pertanian mereka.

Seperti yang kita tahu, sebelum perang dahulu, petani-petani selain kita daripada bercucuk-tanam mereka juga menternak lembu dan kerbau. Hari ini ternakan lembu dan kerbau oleh petani-petani ini sangat kurang. Ini saya dapat tahu sendiri daripada penjual-penjual daging. Mereka terpaksa mengimpot kerbau lembu daripada luar negeri terutama dari negara-negara Thai dan juga daripada Indonesia. Tiap-tiap bulan beribu-ribu ekor mereka terpaksa membawa masuk lembu dan kerbau daripada negara-negara yang tersebut kerana petani-petani kita kurang memelihara kerbau dan lembu ini.

Salah satu daripada sebab-sebab kurangnya petani-petani kita memelihara kerbau dan lembu ini yang pertama kerana kita mengadakan tanaman padi dua kali setahun, maka tempat atau padang rumput itu tidak ada di dalam sawah. Ini salah satu sebabnya menjadi kurang ternakan di dalam negara kita sendiri. Jadi patut juga Kementerian berkenaan ini mengkaji di kawasan-kawasan Perairan Muda patut dalam 400-500 ekar kita sediakan satu kawasan padang ragut misalnya 10 ekar untuk petani-petani yang berhampiran dengan padang ragut tadi kita beri bantuan baka-baka lembu, baka-baka kerbau supaya petani-petani ini dapat memajukan selain daripada tanaman padi mereka dapat juga memajukan ternakan mereka dan menambahkan hasil pendapatan mereka sendiri.

6.00 ptg.

Tuan Shanri bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan sepenuhnya pindaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya berharap dengan adanya pindaan ini mungkin harga daging yang begitu tinggi sekarang tidak tinggi lagi disebabkan rancangan-rancangan pindaan ini untuk menambahkan ternakan, susu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya berharap mengikut zaman moden ini sebolehnya Kementerian ini juga berikhtiar mencari jalan bagaimana hendak membanyakkan ternakan lembu-lembu jenis baik. Kalau boleh tidak berlaku seperti kita dengar di waktu saya masih kecil dahulu, ayam-ayam tidak ada yang berjenis baik. Tetapi semenjak zaman moden ini, kita pelihara ayam daging dan ayam telur, maka kita boleh cari semua jenis-jenis yang baik. Oleh itu, saya berharap lembu pun biarlah jenis-jenis baik yang kita akan galakkan dalam rancangan ini. Sebagaimana rakan saya dari Balik Pulau telah menyentuh tentang makanan, saya juga bersetuju dan kalau boleh cari satu ikhtiar bagi mendapatkan rumput yang makan sedikit tetapi dapat mengenyangkan kerana kita tahu mengikut keadaan negara kita tidak bertambah tetapi oleh kerana penduduk bertambah tentulah kita berkehendakkan banyak ternakan, kalau ternakan itu banyak tidak ada makanan tentulah tidak boleh hendak dipelihara ternakan tersebut. Kalau ada makanan yang agak istimewa sedikit yang boleh dibuat secara moden oleh mana-mana negeri, maka pada pendapat saya ini satu daripada jalan atau ikhtiar.

Tuan Yang di-Pertua, tentang syarikat ternakan yang dicadangkan supaya masuk saham dan sebagainya amatlah baik. Saya berharap kalau boleh selain dari memasukkan saham daripada sesiapa yang suka dalam syarikat ternakan itu, sebaik-baiknya segala-galanya kita proses bukan sahaja daging lembu, kalau boleh kulit lembu juga yang mana pada hari ini kita jual ke tempat-tempat lain untuk dibuat kasut dan sebagainya maka MAJUTERNAK juga hendaklah mempro segala apa yang perlu dibuat daripada kulit, janganlah kulit-kulit itu kita jual di tempat lain. Begitu juga tulang, baja dan sebagainya, pendek kata, apa sahaja yang keluar daripada lembu

semuanya kita proses asalkan benda itu menjadi berfaedah kepada negara, janganlah kita beri kepada orang lain untuk diproses kerana kita tahu dengan kita memproses sendiri maka pekerjaan akan bertambah dan dengan itu kita akan mendapat keuntungan yang lebih.

6.03 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) yang saya bawa ke Dewan yang mulia ini. Selain daripada mengucapkan terima kasih, saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya nampak daripada perbahasan ini, ada sedikit kekeliruan iaitu peranan Jabatan Haiwan dengan peranan Majuternak. Majuternak ini adalah satu badan berkanun Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang tujuannya menjalankan sendiri rancangan-rancangan ternakan. Pada masa yang lalu ia menjalankan secara bersendirian yakni dibawa undang-undang tidak dibolehkan berkongsi dengan sesiapa. Jadi untuk membolehkan dia berkongsi samada dengan pihak dalam negeri ataupun pihak luar negeri yakni pihak swasta dan pihak-pihak yang lain, maka inilah dipinda undang-undang ini membolehkan dia menubuhkan anak-anak syarikat.

Pada kesimpulannya, Majuternak ini adalah merupakan satu badan berkanun menjalankan venture sendiri. Adapun peranan yang memberi bantuan ternakan kepada petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan sebagainya, ini adalah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Haiwan yang bukan merupakan profit making. Jadi, yang satu Majuternak merupakan selain daripada memenuhi keperluan negara dalam bidang daging-daging terutama sekali daging lembu dan dalam bidang susu yakni selain daripada dia merupakan hendak memenuhi keperluan negara, ia merupakan profit making venture, berlainan dengan Jabatan Haiwan. Peranan Jabatan Haiwan ialah fully service yakni sepenuh-penuhnya memberi perkhidmatan kepada petani-petani dan pekebun-pekebun kecil dan sebagainya. Jadi untuk memberi bantuan-bantuan seumpama lembu pawah, memberi bantuan anak ayam, memberi bantuan yang lain, ini termasuk dalam bidang Jabatan Haiwan, yang sebenarnya di luar perkara yang kita bentangkan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Walaupun begitu oleh kerana telah disebutkan, saya sukalah menjelaskan di sini bahawa Jabatan Haiwan telah diuntukkan Rancangan Malaysia Lima Tahun Ketiga hampir \$70 juta untuk membantu petani-petani kecil dalam membangunkan perusahaan ternakan dalam negara kita ini. Dengan demikian, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat puas hati bahawa petani-petani kecil tidak sedikit pun dikebelakangkan dalam masa kita menghadapi usaha hendak membangunkan perusahaan ternakan.

Saya amat sukacita terutama sekali atas fahaman Yang Berhormat dari Ulu Nerus iaitu rancangan ternakan terutama sekali ternakan lembu daging ini memakan masa yang panjang untuk mendapat keuntungan, atau dalam bahasa Inggerisnya gestation periodnya adalah sangat lama. Jadi dalam tempoh lima tahun daripada kita menebang hutan, membersihkan, tanam rumput, bawa masuk anak lembu, sampai lembu boleh dijual, dan sebagainya memakan masa tidak kurang dari lima tahun. Inilah yang menyebabkan pihak private sector tidak berapa hendak masuk joint-venture perusahaan ternakan secara besar-besaran dalam keadaan yang sekarang ini. Walaupun begitu, pihak-pihak Kerajaan sedang menimbangkan galakan-galakan yang perlu diberi untuk menggalakkan lagi pihak swasta. Kalau tidak kita terpaksa bergantung kepada Majuternak untuk menjalankan perusahaan ternakan secara besar-besaran. Jadi tentang galakan ini sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang memang ada dalam pandangan Kerajaan.

Jadi, oleh kerana lambat mendapat keuntungan ini maka perlu dikaji dan memanglah pihak Majuternak sekarang ini tidak dapat maju dengan begitu cepat oleh kerana ada batas-batasnya yang kita perlukan expertise ataupun kepakaran, management dan sebagainya. Sebab itulah kita perlu menubuhkan anak-anak syarikat untuk mendapatkan pengalaman dari pihak-pihak yang lain samada dari dalam ataupun terutamanya dari luar negeri.

Berkenaan dengan penyelewengan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, ada berlaku di dalam setengah-tengah badan berkenaan dan juga anak-anak syarikat di bawah badan-badan berkanun, di sini saya suka memberi kenyataan kepada Dewan ini bahawa setiap badan berkanun

dan setiap anak-anak syarikat di bawah Kementerian saya, saya minta menghantar laporan kepada saya tiap-tiap kali selepas mesyuarat anggota Lembaga Pengarah badan-badan tersebut untuk saya mengkaji satu-persatu. Kalau terdapat kelemahan, maka saya sendiri mengambil berat untuk membetulkannya. Kalau terdapat penyelewengan, saya keluarkan arahan-arahan kepada wakil Kementerian yang duduk dalam Lembaga Pengarah itu untuk membawa perkara itu kepada Lembaga Pengarah supaya dapat diperbetulkan.

Jadi, saya fikir kalau dengan begini perhatian yang ketat daripada saya sendiri, kalau hendak berlaku juga penyelewengan, saya rasa tidak tahulah apa yang saya hendak memberi jaminan lagi kepada Dewan ini. Pendek kata perkara yang seumpama ini telah saya jalankan semenjak saya menerima jawatan atau tanggungjawab Kementerian Pertanian ini.

Inilah secara amnya perkara-perkara yang saya hendak simpulkan pandangan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, perkara-perkara yang disebutkan satu-persatu tadi, maka adalah terlingkung di dalam jawapan-jawapan yang saya katakan tadi iaitu selain dari Majuternak, Jabatan Haiwan ada peruntukan kira-kira hampir lebih \$70 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga untuk membantu pembangunan ternakan bagi petani-petani kecil.

Tindakan mencari bahan makanan yang boleh cepat mengemukakan lembu ternakan dan sebagainya, yang sebenarnya perkara ini telahpun dijalankan dan Kerajaan telahpun tahu jenis rumput, bahkan bukan sahaja jenis rumput, tetapi hasilnya dari tahi ayam pun boleh digunakan untuk menambah protein dan sebagainya. Hampas minyak kelapa sawit, sabut minyak kelapa sawit, hampas nenas pun sudah didapati amat berguna dan di dalam rancangan-rancangan Majuternak sekarang ini, memang digunakan dan perkara-perkara seumpama ini akan diluaskan penggunaannya di kalangan-kalangan petani-petani kecil.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1976 dibaca kali yang kedua.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN telah ditubuhkan dalam tahun 1971 dengan berkuatkuasanya Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tahun tersebut. Penubuhan MAJUIKAN ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup mereka. Untuk mencapai matlamat itu MAJUIKAN telah diberi tanggungjawab untuk mengembang dan memajukan lagi perusahaan itu.

Pada masa ini MAJUIKAN telahpun melancarkan rancangan-rancangan penangkapan ikannya di beberapa pusat projek dengan menggunakan bot berbagai jenis sejumlah 133 buah bot. Selain daripada projek-projek penangkapan ikan itu, MAJUIKAN juga telah menubuhkan kilang memproses udang dan ikan di Kuala Kedah, kilang air batu di Kuala Perlis, mengambil bahagian ekuiti dalam kilang mengetin ikan PERTIMA, di Kuala Trengganu dan kilang tepong ikan di Mersing.

Dengan pelancaran projek-projek penangkapan ikan dan penubuhan kilang-kilang tersebut sejumlah lebih kurang 1,000 orang nelayan telah mendapat peluang pekerjaan di pusat-pusat projek tersebut dengan pendapatan yang lebih. Purata pendapatan bulanan mereka setelah menyertai projek itu

telah meningkat kepada \$150 hingga \$200 sebulan sementara nelayan-nelayan yang lebih tekun bekerja boleh mendapat antara \$300 hingga \$400 sebulan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya akan mencuba seberapa boleh untuk meninggikan pendapatan lebih ramai lagi nelayan dengan mengadakan bot-bot dan peralatan menangkap ikan moden yang lebih mendatangkan hasil selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan melipat gandakan usahanya membasmi kemiskinan dan kemelaratan di kalangan kaum nelayan.

Peranan MAJUIKAN dalam mencapai matlamat itu ialah dengan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek untuk memberi peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik kepada golongan kaum nelayan itu. Antara rancangan-rancangan yang difikirkan sesuai ialah projek-projek penangkapan di luar kawasan perairan yang sedang diusahakan oleh nelayan-nelayan sekarang ini dan di lautan dalam. Dengan bertambahnya kegiatan penangkapan ikan itu adalah perlu juga MAJUIKAN mengadakan projek-projek yang menyokong perusahaan itu seperti kilang air batu, kilang memproses dan mengetin ikan, membena bot, kilang mengeluarkan jaring dan pukat dan lain-lainnya. Oleh itu MAJUIKAN bercadang untuk mengambil bahagian dan peranan yang lebih cergas lagi menubuhkan projek-projek seperti itu. Bagi tujuan ini MAJUIKAN diberi kuasa untuk melakukan segala perkara yang difikirkan perlu, berfaedah dan berkaitan dengan tugas-tugasnya itu dengan meminda Akta yang ada sekarang ini bagi maksud itu.

Dari segi pelaksanaan, projek-projek itu memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan juga kepakaran dan kemahiran untuk menentukan supaya ia dapat berjalan dengan lincin dan mencapai matlamat yang diharapkan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya projek-projek tertentu di mana-mana perlu serta mengutamakan yang hendak dijalankan oleh MAJUIKAN itu dijalankan secara usaha sama dengan pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri yang berpengalaman seperti projek penangkapan ikan dilautan dalam yang memerlukan modal yang besar serta kepakaran dan kemahiran yang tinggi. Ini memerlukan pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 untuk membolehkan MAJUIKAN menubuhkan syarikat-syarikat di bawah

Akta Syarikat 1965. Peruntukan Akta MAJUikan sekarang ini hanya membolehkan MAJUikan menubuhkan perbadanan sahaja dengan menggunakan kumpulan wangnya sendiri dan kiranya perbadanan itu dibubarkan, semua harta-hartanya akan menjadi milik MAJUikan. Dengan cara begini adalah tidak dapat perbadanan yang ditubuhkan oleh MAJUikan itu menjalankan sesuatu projek usaha sama. Cadangan juga dibuat bagi membolehkan sebarang perbadanan yang ditubuhkan oleh MAJUikan diubah kepada syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan tujuan supaya orang-orang perseorangan kumpulan ataupun badan-badan swasta yang berminat boleh mengambil bahagian dengan cara membeli saham-sahamnya setelah diubah kepada syarikat kelak.

Bagi melengkapkan lagi kuasa-kuasa yang ada pada MAJUikan itu adalah dicadangkan juga supaya MAJUikan dibolehkan mengambil bahagian ekuiti dalam semua projek yang difikirkan perlu, berfaedah ataupun berkaitan dengan tugas-tugasnya. Pada masa ini MAJUikan hanya boleh mengambil bahagian ekuiti dalam projek-projek penangkapan ikan ataupun perbekalan dan kelengkapan menangkap ikan sahaja. Projek-projek yang saya maksudkan untuk dibolehkan ini ialah seperti projek memproses dan mengetin ikan, kilang tepung ikan dan sebagainya yang telahpun ada didirikan oleh Syarikat-syarikat swasta tempatan.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah untuk menukar nama jawatan Ketua Eksekutif MAJUikan yang pada masa ini dikenali dengan nama Timbalan Pengerusi. Nama jawatan ini patutlah ditukarkan kepada Ketua Pengarah sesuai dengan tugasnya sebagai Ketua Eksekutif.

Selain dari itu adalah dicadangkan juga supaya satu peruntukan baru dalam Akta MAJUikan diadakan untuk menentukan kepentingan MAJUikan sentiasa dipelihara dan tidak dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan dan keuntungan peribadi mereka sendiri. Ini dibuat dengan mengadakan peruntukan melarang perlantikan mereka yang mempunyai kepentingan peribadi yang difikirkan akan bercanggah dengan kepentingan MAJUikan menjadi Ahli Lembaga Pengarah ataupun pegawai-pegawai MAJUikan. Kalau mereka yang telah dilantik

atau akan juga dilantik, maka mereka akan diminta mengistiharkan butir-butir harta dan kepentingannya dan melarang mereka ini mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan dan kerja-kerja yang difikirkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan MAJUikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya merujuk kepada Fasal 3 yang bertujuan untuk meluaskan bidang tugas dan kuasa Lembaga. Dengan peruntukan ini, saya berharap bahawa Lembaga Majuikan dapat mencari cara yang lebih berkesan untuk menambah pengeluaran ikan bagi keperluan kita seperti mengeksploitasi beribu-ribu kawasan paya di negara kita. Pada hemat saya sangat-sangat diperlukan oleh kerana baru-baru ini dan juga pada masa sekarang negara kita sedang menghadapi kekurangan ikan dan akibatnya kenaikan harga-harga ikan di pasar sekarang ini. Saya ingin memberitahu, Tuan Yang di-Pertua kesukaran yang dihadapi oleh kita sekarang ini telah membuktikan yang kita di bawah taklukan faktor yang luas daripada kawalan kita. Ini berlaku kerana keadaan cuaca yang bukan pengharaman impot dari negeri Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun, kekurangan ikan yang kita menghadapi sekarang ini harus menyedar Kerajaan dan dalam perkara ini Majuikan pada hakikatnya kita belum dapat menambah pengeluaran ikan yang cukup untuk keperluan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa ketika ini kita masih bergantung kepada Indonesia dan Thailand 1/3 hasil pengeluaran ikan di pasaran kita. Saya berharap dengan Rang Undang-undang ini maka majuikan akan menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam dan cukup mengenai penangkapan ikan dan juga mengeksplotasikan kawasan baru pengeluaran ikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya juga berharap dengan meluluskan Rang Undang-undang ini Majuikan akan dapat mencari langkah-langkah yang lebih berkesan untuk melipatgandakan pengeluaran ikan untuk keperluan rakyat supaya kita tidak dikawal oleh faktor-faktor yang luas daripada kawalan kita. Dan di samping itu saya juga harap bahawa Lembaga dengan secepatnya akan mengambil segala tindakan untuk membaiki bot-bot dan lain-lain alat penangkapan ikan supaya penangkap ikan dapat menambah pengeluaran ikan dan juga dapat meninggikan pendapatan mereka.

Sekianlah cadangan dan ulasan yang hendak saya sampaikan.

5.23 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana dengan meminda Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan ini dapatlah kita perluaskan penubuhan syarikat-syarikat itu terutama syarikat-syarikat nelayan. Kita tahu dari uraian pindaan Rang Undang-undang ini juga Menteri berkenaan dapat mengawasi perjalanan syarikat dan pentadbiran. Sebagaimana kita tahu alat penangkapan ikan masih tidak mencukupi lagi untuk meninggikan taraf hidup nelayan kita. Dengan ini pusat Majuikan, kursus bagi nelayan dan jeti-jeti yang rosak hendaklah diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pembelian alat-alat yang lebih moden untuk nelayan supaya dapat pergi lebih jauh ke laut-laut dalam. Sebagaimana ucapan Menteri tadi dengan ini dapatlah kita lihat nelayan kita lebih maju dan corak hidup mereka dapat dibaiki. Kita tahu nasib nelayan pada masa sekarang amatlah sedih, terutama sekali di musim ribut. Kalau Akta ini diperbaiki baik nasib mereka itu akan lebih terjamin. Akhirnya, saya sokong Akta Lembaga Ikan Malaysia, 1971.

5.55 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan).

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kementan berkenaan kerana telah memberi satu projek majuikan di kawasan saya sendiri yang berjumlah 11 buah bot. Di samping itu, dalam menyokong pindaan ini

yang membolehkan pihak Lembaga membina bot-bot yang lebih besar. Projek di kawasan saya ini berkehendakkan bot yang lebih daripada 30 tan. Kita sudah membuat permohonan kepada Kementerian berkenaan tetapi setakat ini belumlah kita tahu samada permohonan itu akan berjaya tidak. Walau bagaimanapun, dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi saya menyeru pihak Kementerian berkenaan menimbangkan permohonan nelayan di kawasan saya itu, kerana di kawasan Pulau Pinang, khasnya di kawasan utara Malaysia boleh dikatakan punca-punca ikan ini hampir kehabisan. Tiap-tiap bulan kita dengar perselisihan atau pergaduhan berlaku antara nelayan-nelayan pukat tunda dengan nelayan-nelayan pantai. Ini disebabkan nelayan pukat tunda ini terpaksa datang ke tempat yang hampir dengan kawasan nelayan-nelayan pantai. Inilah yang menyebabkan pergaduhan itu berlaku. Jadi, untuk mengelakkan pergaduhan ini, pihak nelayan berkehendakkan bot yang lebih besar supaya dapat mereka pergi jauh ke tengah laut dan dapat menangkap ikan yang lebih banyak.

Satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan ialah usaha-sama dengan pemodal dan nelayan-nelayan daripada luar negeri. Di Pulau Pinang sendiri ada sebuah syarikat Jepun yang telah mengusahakan perusahaan ikan dan mengadakan dua tiga buah kilangnya sendiri. Jadi, nelayan Jepun ini menggunakan kapal bukan bot, yang beratnya 100-200 tan dan banyak juga nelayan-nelayan kawasan saya ini yang bekerja dengan syarikat-syarikat nelayan Jepun pergi hingga dua bulan ke Laut Hindi, dua bulan baharu balik membawa tangkapan ikan yang begitu banyak dan mereka masukkan dalam kilang dalam bandar Georgetown dan setelah keluaran itu dibuat diekspot ke luar negeri. Jadi, kalau boleh pihak Kementerian ini dapat mengadakan usaha-sama dengan nelayan-nelayan Jepun dan juga sebagaimana kita tahu nelayan Korea ini adalah satu cadangan atau rancangan yang sangat baik.

Akhirnya saya menyokong pindaan Akta ini dan berharap segala permohonan yang dimohon oleh kajukan di kawasan saya itu dapat perbatian Yang Berhormat Menteri.

6.27 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan

Ikan Malaysia ini, saya suka mengambil bahagian sedikit oleh kerana dalam kawasan saya itu banyak juga bot-bot Majuikan yang diletakkan di sana ataupun bekerja di kawasan sepanjang pantai termasuk dalam kawasan saya. Apa yang saya suka menarik perhatian dalam Akta ini yang saya fikir termasuk di dalam atau di bawah Akta Lembaga Perusahaan Ikan Malaysia ini iaitu tanggungjawab mengenai bot-bot Majuikan yang diserahkan kepada nelayan-nelayan di pantai sana terutama mengenai bot, kesesuaian bot-bot yang dibuat oleh Majuikan dengan pantai-pantai yang ada di Laut China dan kesesuaian bot-bot yang diberi kepada nelayan ini dengan kehendak atau keperluan nelayan itu sendiri. Apa yang diberitahu kepada saya iaitu bot-bot Majuikan yang telah dibuat dan dipasang dengan enjin-enjin yang tidak sesuai bagi Laut China yang pertama sekali apa yang ditempatkan di Pulau Redang dahulu dan baru-baru ini telah diberitahu kepada saya telah dipindahkan semua sekali bot-bot itu kerana bot-bot yang ditempatkan itu tidak menguntungkan. Begitu juga bot-bot yang baru ini pun. Jadi kehendak orang ramai supaya bot-bot Majuikan ini dipasang dengan enjin "YAMA". Tetapi pihak Majuikan tidak memasang dengan enjin yang dikehendaki. Maka akibatnya bot ini tidak sesuai bagi keperluan nelayan-nelayan di sana. Dan samada benar

atau tidak benar baru-baru ini saya telah mendengar cerita pihak Majuikan sendiri telah bersetuju untuk menukar enjin yang telah dimasukkan ke dalam bot-bot yang sedia ada itu kepada enjin baru iaitu enjin jenis "YAMA".

Kalau perkara ini berlaku berterusan sudah tentulah pihak MAJUIKAN sendiri akan menanggung kerugian dalam masaalah ini dan pihak nelayan-nelayan yang dimaksudkan oleh Majuikan ini atau Kementerian Pertanian bagi menolong nelayan-nelayan di sana tidak berhasil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai. Panjang lagikah hendak bercakap?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Kalau diizinkan, saya hendak sambung sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah disambung esok. Tetapi jangan diulang-ulang dan pendekkan sahaja. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 14hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.